



Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

**AKHBAR
RASMI
KERAJAAN
NEGERI
BRUNEI**

TAHUN 24 BILANGAN 20

RABU 16HB MEI, 1979.

1399 رابو 18 جمادي الاخير

PERCHUMA



YANG Amat Mulia Pengiran Indera Negara Pengiran Anak Tahiruddin menapakkan gangsa sireh ka-bahu Yang Amat Mulia Pengiran Dato Seri Laila Jasa Muda Chuchu Besar dalam Istiadat mengorniaikan gelaran pada hari Khamis lalu.

ISTIADAT PENGORNIAAN GELARAN CHETERIA

BANDAR SERI BEGAWAN.

—Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei Sir Muda Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah telah berkenan mengorniaikan gelaran Cheteria kepada Yang Amat Mulia Pengiran Dato Seri Laila Jasa Muda Chuchu Besar Ibni Pengiran Bendahara Muda Hashim dalam satu Istiadat yang berlangsung di-Lapau di-sini pada hari Khamis lalu.

Yang Amat Mulia Pengiran Dato Seri Laila Jasa Muda Chuchu Besar sekarang dikenali dengan gelaran Yang Amat Mulia Pengiran Kesuma Negara.

Chiri gelaran di-istiadat tersebut telah di-bachakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Haji Awang Abdul Hamid sementara Do'a Selamat telah di-bachakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Tuan Imam Dato Setia Awang Haji Mohammad Tamin.

Istiadat yang di-jalankan dengan penuh adat istiadat itu telah di-hadiri oleh pembesar2 negara termasuk, Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei, Awang Arthur Watson.

Lihat muka 16

Lihat muka 16



SA-TELAH Istiadat Mengorniaikan Gelaran sempurna di-laksanakan, Yang Amat Mulia Pengiran Kesuma Negara Pengiran Muda Chuchu Besar junjong ziarah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei, seperti kelihatan gambar atas.

Pemimpin2 Pengakap di-seru supaya membimbing belia2

GADONG. — Pemerintah Batalion Pertama AMDB, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Lt. Kolonel Dato Seri Pahlawan Mohammad bin Haji Daud menyeru Persatuan Pengakap supaya membentuk pemuda2 yang mempunyai kualiti2 kepimpinan demi untuk mengujudkan sa-buah masyarakat yang bersatu padu, penuh disiplin dan tanggungjawab kepada negara dan bangsa.

Berucap sa-belum menyampaikan sijil2 dan chenderamata kepada 31 orang pemimpin pengakap Negeri Brunei yang telah menamatkan Kursus Pelatex Kebangsaan yang pertama di-Ibu Pejabat Persatuan Pengakap di-sini pada hari Ahad lalu, Yang Berhormat menegaskan bahawa negara kita pada masa ini mengehendaki lebih banyak pemuda2 yang mempunyai sifat2 pimpinan atau 'leadership quality' untuk memimpin masyarakat dalam semua bidang.

Dari itu, tegas Yang Berhormat, pemimpin2 pengakap di-negeri ini akan dapat menchurahkan segala ilmu pengetahuan dan pengalaman yang mereka peroleh sa-masa menjalani kursus serta membimbing belia2 yang bergerak chergas dalam bidang pengakap.

Menyentuh mengenai kursus tersebut, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa

menegaskan bahawa Persatuan Pengakap Negeri Brunei telah membuat satu langkah yang positif untuk meninggikan taraf aktiviti2 persatuan itu.

"Dengan ada-nya langkah2 seperti itu, ia-nya bukan sahaja akan memberikan semangat yang kuat, malahan akan menunjukkan satu perasaan yang bertanggung-jawab serta ta'at setia yang jujur terhadap bangsa, negara dan Sultan," tambah Yang Berhormat itu.



Y.B. Pehin Orang Kaya Seri Dewa Lt. Kolonel Dato Seri Pahlawan Mohammad bin Haji Daud memeriksa barisan pengakap2 sa-belum Yang Berhormat itu menyampaikan sijil2 kepada peserta2 Kursus Pelatex Kebangsaan.

12 orang lagi pegawai di-naikkan pangkat

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Jabatan Perjawatan telah mengumomkan kenaikan pangkat bagi 12 orang pegawai2 Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Dalam senarai yang di-terbitkan oleh jabatan itu pada minggu lalu termasuklah kenaikan pangkat bagi wanita Brunei yang pertama lulus Sarjana dalam bidang Mikro Biology baru2 ini. Beliau ia-lah Datin Masni bte Haji Ali yang telah di-naikkan pangkat menjadi Ahli Kaji Kuman Kanan di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan mulai 1hb Januari, 1979.

Dua orang guru dan sa-orang Penolong Pendaras telah di-naikkan pangkat menjadi Pegawai Pelajaran dalam Bahagian II. Mereka ia-lah Awang Kassim bin Adis, Awang Jacob Chin Yin Wah dan Awang Mustapha bin Shawal. Kenaikan pangkat bagi Awang Kassim bermula pada 23hb Disember, 1978; Awang Jacob Chin bermula 19hb Oktober, 1978 dan Awang Mustapha bermula 24hb Julai, 1978.

Empat orang Pembantu Pertanian di-Jabatan Pertanian telah di-naikkan pangkat menjadi Pembantu Pertanian Kanan ia-itu jawatan dalam Bahagian III. Mereka ia-lah Awang Ramli Mohd Ramlee bin Haji Seri, Awang Noorsaid bin Mohd Zain, Awang Mohamad/Mohammad bin Haji Tudin dan

Awang Ahmad bin Haji Abas. Lantekan ke-empat2 orang pegawai itu bermula pada 1hb April, 1979.

Dua orang Penyelenggara Sektor Tingkatan I, Jabatan Kerja Raya telah di-naikkan ka-pang-

Lihat muka 16

Peraduan silat dan kuntau

BANDAR SERI BEGAWAN. — Peraduan Silat dan Kuntau bagi Daerah Brunei-Muara akan di-adakan pada 22hb dan 23hb Jun depan.

Ini telah di-chapai dalam mashuarat pembentokan jawatankuasa peraduan itu yang telah di-adakan pada 8hb Mei yang lalu.

Dalam mashuarat itu, Penolong Pegawai Daerah, Awang Abdul Hamid bin Ismail telah di-lantek sa-bagai Pengerusi; Awang Hamzah bin Haji Jaafar sa-bagai Timbalan Pengerusi sementara Awang Zapar Shamsuddin sa-bagai Setia Usaha.

Peraduan tersebut di-adakan sa-bagai salah satu acara bagi sambutan Hari Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei.



Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHAR
RASMI
KERAJAAN
NEGERI
BRUNEI

16HB MEI, 1979

PENULISAN BUKU2 TEKS

ADA-LAH amat jelas bahawa para sasterawan dan sasterawani kita di-Negeri Brunei sa-lama ini sama2 terlibat sa-chara aktif atau di-sebalek-nya dalam gerakan mempertinggi sastera-budaya walaupun gerakan tersebut di-lakukan sa-chara sendiri2. Namun usaha mereka ka-arrah memperkembangkan kesusasteraan khusus-nya dan kebudayaan umum-nya tidak shak lagi ia-nya akan dapat meninggi nilai2 kesusasteraan dan kebudayaan Melayu yang telah di-pusakai dari datok nenek kita sa-lama ini.

Dalam kesusasteraan sahaja, umpama-nya kita dapat melihat para penulis di-negeri kita ini sama2 terlibat dalam memperkembangkan kesusasteraan Melayu dan kesemua-nya ini akan dapat membantu baik sa-chara langsung atau tidak usaha dalam meletakkan nilai2 kesusasteraan itu di-tahap yang lebih wajar sesuai dengan cita2 Kerajaan menjadikan bahasa Melayu sa-bagai bahasa rasmi negara.

Dalam pada itu, sa-perkara yang harus di-ingat seperti kata Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, Awang Mahmud bin Haji Bakir ketika berucap dalam satu Majlis Penyampaian Hadiah kepada pemenang2 peraduan mengarang Cherita Majalah Mekar baru2 ini, bahawa penulis2 di-negeri ini di-ingatkan supaya jangan hanya tertumpu kepada penulisan sastera-budaya sahaja, malah mereka itu harus menseimbangkan kepada penulisan keilmuan seperti penulisan buku2 teks yang sesuai dengan iklim sosio-ekonomi-politik negeri kita Brunei.

Ada-lah menjadi kenyataan yang kita di-negeri ini masih kekurangan golongan penulis dalam bidang penulisan keilmuan; kerana sa-lain ia-nya memerlukan bakat, kechenderongan dan pendiddekan yang diterima oleh sa-seorang itu sejak dari bangku sekolah lagi, mungkin juga di-sebabkan kurang usaha atau kurang berminat dalam lapangan itu. Atau mungkin sudah memikirkan hal tersebut tidak payah di-usahakan, kerana kita boleh menatap buku2 teks sa-umpama itu dari luar negeri! Kalau ini-lah tanggapan kita sa-lama ini, ia-nya amat di-kesali—terutama kepada golongan chandikawan yang tidak kurang-nya di-negeri kita sekarang ini.

Memperhatikan penulisan buku2 teks di-negeri ini, tidak-lah dapat di-nafikan yang sa-lama ini kita masih mengekor atau mengikuti buku2 teks dari luar negeri atau tegas-nya buku2 teks yang di-datangkan dari negeri jiran (Singapura dan Semenanjung Tanah Melayu). Dan jarang sekali kita dapat mengikuti buku2 teks yang di-tulis oleh penulis2 kita di-negeri ini—kalau pun ada di-akhir2 ini ia-lah buku2 teks yang di-tulis dan di-keluarkan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama dan dari Dewan Bahasa dan Pustaka, ini pun amat sedikit bilangan-nya. Sungguh pun demikian, usaha sa-umpama itu patut di-berikan pujian dan kita sama2 berharap kepada penulis2 tanah ayer akan segera mengikuti jejak langkah jabatan berkenaan.

Sa-chara kebetulan membincangkan penulisan buku2 teks ini, pernah satu ketika salah sa-orang penulis dari luar negeri yang meminati penulisan buku2 teks mengemukakan persoalan atau mengarahkan pertanyaan kepada kita tentang banyak-nya bahan2 yang akan di-jadikan penulisan berupa keilmuan di-negeri kita ini—apa tidak ada-kah penulis2 tanah ayer yang berkaliber yang boleh menulis-nya. Beliau juga menyatakan bahawa sa-buah sejarah Brunei yang merupakan buku teks sedang di-selenggarakan oleh sa-orang pensharah asing. Ini juga merupakan suatu chabaran hebat kepada para cherdek pandai kita di-negeri ini.

Menyedari hakikat kita di-negeri ini kekurangan penulis yang melahirkan penulisan keilmuan yang dimaksudkan itu, sa-lain ia-nya di-usahakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dan Jabatan Hal Ehwal Ugama, maka usaha menulis bahan2 penulisan keilmuan dalam lapangan masing2 sa-bagai suatu sumbangan dalam dunia penulisan tanah ayer, dan ini merupakan suatu perkembangan yang sehat dan patut di-galakkan.

Bagaimana pun, seperti kata Awang Mahmud Haji Bakir, kita bersukur kerana sa-bilangan besar penulis di-negeri kita ini ada-lah mereka yang bertanggung-jawab dengan jawatan2 penting yang mereka pegang dalam jurusan masing2 dan penoh keperchayaan yang mereka itu akan terus bergiat dengan gigih, kerana kegigihan menghadapi chabaran masa dan keadaan ada-lah watak orang yang berjaya besar.

ADA-LAH menjadi chita-chita kita bersama untuk melihat kesuburan bakat penulisan kanak-kanak supaya apabila dewasa nanti mereka dapat bergiat dalam lapangan penulisan yang lebih luas skop-nya, bukan sahaja dalam bidang penulisan sastera-budaya tetapi juga dalam bidang2 keilmuan seperti penulisan sejarah, ilmu-alam, ekonomi, pertanian, perikanan, dan sains kemasyarakatan.

Ada-lah suatu kenyataan yang pada masa ini kita masih ketandusan golongan penulis yang berkaliber dalam bidang penulisan keilmuan, dan keghairahan penulis2 kita yang sa-mata-mata tertumpu kepada penulisan sastera-budaya patut-lah di-seimbangi dengan kegiatan penulisan keilmuan seperti penulisan buku2 teks ilmu hisab, sains, ilmu bahasa, dan tatarakyat yang di-sesuai-kan dengan kehendak2 serta iklim sosio-ekonomi-politik di-negeri ini.

Tetapi ini tergantung-lah kepada bakat, kechenderongan, dan pendiddekan yang di-terima oleh sa-seorang itu sejak di-bangku sekolah lagi, dan juga suasana sa-keliling serta asohan di-rumah yang mempengaruhi penghidupannya. Oleh sebab itu-lah sa-moga kanak2 yang berjaya dalam peraduan ini, atau mana2 sahaja kanak2 yang berbakat dalam penulisan, supaya akan dapat di-bimbing terus dalam bidang kechenderongan mereka itu, dan majallah Mekar ada-lah sentiasa bersedia menerima tulisan2 mereka yang bermutu serta sesuai untuk di-terbitkan.

SA-BAGAI titik tolak memechu pena menyedarkan masyarakat, penting bagi sa-tiap penulis menyedari dan memegang prinsip2 penulisan. Seperti hal2 yang lain dalam alam masyarakat sedar, penulis juga tidak terkecuali dari batasan2 sa-bagai manusia pembangun. Untuk ini, maka kami rasa, ucapan Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Awang Mahmud bin Haji Bakir dalam Majlis Penyampaian Hadiah Peraduan Mengarang Cherita Mekar, 28hb April, 1979 di-Dewan Kuliah DBP amat baik di-tatap oleh penulis2 tanah ayer sa-bagai satu landasan yang selamat dalam penghasilan karya2 mereka. — Pengarang.

"Unsur2 fitnah atau character assassination tidak mendapat tempat dalam sains kritikan"

Dalam bidang penulisan, samada penulisan kreatif sastera seperti sajak, cerpen, dan nobel, atau penulisan esei tentang budaya, sosial, ekonomi, dan politik, atau penulisan berben-tok ulasan atau kritikan mengenai hal chwal sa-masa, semua-nya mempunyai teknik penyampaian yang di-batasi oleh peratoran2 tertentu. Penulisan kreatif sastera ada-lah di-batasi oleh stail, bahasa, dan nilai2 estetika; penulisan esei ada-lah di-batasi oleh teknik penyampaian yang sa-imbang yang di-dasarkan kepada fakta, bukan-nya di-hanyutkan oleh emosi; dan penulisan kritikan pula ada-lah di-batasi oleh *factual criticism* ia-itu kritikan yang berdasarkan kepada fakta, bukan-nya *illusion* atau khayalan yang terchetus daripada emosi atau dendam kesumat. Biasa-nya kritikan yang bersandarkan emosi atau dendam kesumat akan mengandongi unsur2 *character assassination* dan *slander* atau fitnah. Penulisan

untuk memburok-burokkan nama sa-seorang atau kumpulan orang, dan bentuk kritikan seperti ini tidak akan di-layan oleh mana-mana penerbitan yang sudah *established* dan mempunyai reputasi tinggi kerana pehak berkuasa penerbitan itu tahu bahawa apa yang di-namakan *freedom of the press* itu ada batas-nya, seperti juga hal-nya dengan *freedom of speech* atau *freedom of expression*. Semua-nya ter-taalok kepada undang-undang, tatasusila, dan adat resam yang terdapat dalam sa-sebuah negeri itu.

Sa-benar-nya bidang penulisan kritikan itu ada-lah satu bidang yang terpuji dan di-galati dalam dunia penulisan atau dunia keilmuan, dan di-negara2 yang sudah maju ia merupakan satu sains yang di-ajarkan di-yayasan2 pendidikan tinggi. Bidang penulisan kritikan tidak dapat di-pisahkan daripada dunia kreatif seperti seni sastera, seni lukis, dan seni muzik,

dan juga bidang keilmuan seperti ekonomi dan fizik.

Karya2 Shakespeare (1564-1616) yang sudah berusia lebih 360 tahun ita hingga kini masih di-selidiki dan di-beri ulasan serta kritikan, begitu juga karya2 seni lukis Picasso (1881-), karya2 seni muzik Mozart (1756-1791), teori ekonomi Keynes (1883-1946), dan teori fizik Einstein (1879-1955). Semua-nya di-beri ulasan serta kritikan yang berdasarkan fakta dan keilmuan, dan ini ada-lah suatu perkembangan yang sihat dan patut di-galakkan. Unsur2 fitnah atau *character assassination* tidak mendapat tempat dalam sains kritikan. Ada-lah suatu perbuatan yang amat di-kesalkan yang ada di-kalangan orang2 kita yang menamakan diri mereka 'penulis', menggunakan bakat yang di-anugerahkan oleh Tuhan kepada mereka itu untuk melakukan sa-suatu yang amat keji, yang menchemarkan nama baik golongan penulis dan juga bidang sains kritikan yang mempunyai reputasi tinggi itu. Mereka ini ada-lah parasait dalam dunia penulisan. Seperti juga hal-nya dengan benalu yang tumbuh pada pokok lain dan menghisap makanan daripada pokok itu, penulis-parasait juga melakukan sa-suatu yang akhir-nya akan melemah serta melumpuhkan kegiatan bidang penulisan di-negeri ini.

Alhamdulillah yang sa-bilangan besar golongan penulis di-negeri ini ada-lah terdiri daripada orang2 yang bertanggung-jawab dan memegang jawatan2 penting dalam jurusan pekerjaan masing-masing. Saya penoh perchaya yang mereka ini akan terus bergiat dengan gigih dalam bidang yang mereka minati itu. Kegigihan menghadapi chabaran masa dan keadaan ada-lah watak orang yang berjaya besar.

Akhir-nya saya berseru kepada semua penulis di-negeri ini supaya mengambil bahagian dalam pelbagai peraduan penulisan yang pada masa ini sedang di-anjarkan Sempena Sambutan Tahun Hijrah 1400. Bagi mereka yang chenderong dalam bidang drama boleh-lah mengasah bakat dengan memasoki Peraduan Menulis Skrip Radio-TV; begitu juga bagi mereka yang berminat dalam penulisan artikel untuk orang dewasa, atau penulisan cherita untuk kanak-kanak, boleh-lah memasoki Peraduan Menulis Artikel dan Cherita. Di-samping memperbanyakkan lagi perben-daharaan penulisan, penulis2 juga akan turut serta menyumbangkan bakti menyemarakkan shi'ar Islam di-negeri ini.

Harga barang2 keperluan

SAPERTI biasa di-bawah ini di-chatetkan beberapa jenis barang2 keperluan sa-hari2 yang di-dapati di-jual dengan harga yang lebih sederhana rendah di-kedai2 Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Ada-lah di-ingatkan kepada orang ramai bahawa harga barang2 yang berikut di-bawah ini bermula bagi minggu 10hb Mei, 1979.

BANDAR SERI BEGAWAN

1. BAWANG PUTEH (Puteh) — \$3.40 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
Chop Hock Huat,
No. 62, Jalan McArthur.
2. KULAT KERING (Bertangkai) — \$2.50 sa-tahil boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
a) Lam Seng,
No. 3, Jalan McArthur.
b) Liong Yu Company,
No. 58, Jalan Sultan.
c) Chop Hock Huat,
No. 62, Jalan McArthur.
d) Chye Chee Seng,
No. 76, Jalan Roberts.
3. UBI KENTANG — 80 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
a) Chop Chin Seng,
No. 107, Jalan Chevalier.
b) Sharikat Haji Abdul Rahman,
No. 94, Jalan Chevalier.
c) Leong Soon Huat,
No. 1, Jalan McArthur.
d) Teck Hin,
No. 56, Jalan Sultan.
e) Liong Yu Company,
No. 58, Jalan Sultan.

KUALA BELAIT

1. BAWANG PUTEH (Puteh) — \$4.40 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
Yun Seng Supermarket,
No. 84, Jalan Bunga Raya.

2. KULAT KERING (Bertangkai) — \$2.69 sa-tahil boleh di-beli dari kedai berikut:—
Fah Seng Company,
No. 27, Jalan Pretty.
3. UBI KENTANG — 80 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
a) Yick Yuen,
No. 3, Jalan Pretty.
b) Choo Seng,
No. 20, Jalan Pretty.
c) Yun Seng Supermarket,
No. 84, Jalan Bunga Raya.

SERIA

1. BAWANG PUTEH (Puteh) — \$3.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
Chop Kim Huat,
No. 53, Jalan Bunga Kuning.
2. KULAT KERING (Bertangkai) — \$2.50 sa-tahil boleh di-beli dari kedai berikut:—
Chop Koh Seng Hang,
No. 17, Jalan Sultan Omar Ali.
3. UBI KENTANG — 80 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
a) Chop Koh Seng Hang,
No. 17, Jalan Sultan Omar Ali.
b) Foo Hap Shing,
No. 20, Jalan Sultan Omar Ali.
c) Yick Fatt,
No. 36, Jalan Sultan Omar.
d) Hui Guan,
No. 48-B, Jalan Bunga Kuning.



YAM Pengiran Dato Seri Laila Jasa Muda Chuchu Besar flanked on his right by YAM Pengiran Indera Negara Pengiran Anak Tahiruddin and YAM Pengiran Maharaja Anakda Pengiran Haji Ahmad preparing for his installation as a 'Cheteria'.

ANOTHER CHETERIA INSTALLED

BANDAR SERI BEGAWAN. — His Highness the Sultan Sir Muda Hassanah Bolkiah Muizzaddin Waddaulah last Thursday made Yang Amat Mulia Pengiran Dato Seri Laila Jasa Muda Chuchu Besar ibni Pengiran Bendahara Pengiran Muda Haji Hashim a cheteria at a ceremony held at the Lapau here.

Pengiran Dato Muda Chuchu Besar now has the title of Yang Amat Mulia Pengiran Kesuma Negara.

The ceremony was witnessed by the British High Commissioner, Mr

Arthur Watson, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddin, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal Waqar Pengiran Muda Mohammed Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Jefri Bolkiah, the Yang Teramat Berhormat General Adviser, Pehin Orang Kaya

Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa, the Menteri Besar Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Pengiran Pemancha, the Acting State Secretary Dato Paduka Awang Abdul Rahman bin Dato Paduka Haji Mohammad Taib and other state dignitaries.

Instructors in Singapore

BANDAR SERI BEGAWAN. — Two physical education officials from the Education Department are now in Singapore undergoing in-service training in administration.

The two are Awang Suhaili Lani and Awang Tuah bin Nordin who are taking the three-month course at the Singapore Ministry of Education's extra-curricular activity department.

Twelve students of the Technical Training Centre in Jalan Muara are also in the republic on a two-week educational tour.

The students, accompanied by their instructors, are from the first-year intake taking a basic course in engineering.

Livestock technicians course

SINAUT. — A twelve-month course for livestock technicians is due to start soon at the Agriculture Training Centre here.

During the course the students will spend the first six months undergoing theoretical and practical instruction at the centre.

This will be followed by a three-month attachment to a commercial farming project before returning to the centre for the last three months of the course, which will be spent on farm management training.

Orphans receive donations

KUALA BELAIT. — The Belait District Orphans Funds Board last week donated cash to sixty schoolchildren at a ceremony held here.

The schoolchildren who are all orphans each received fifty dollars for buying their school uniforms.

Seven of them who excelled in their studies received an additional two hundred and forty dollars each.

The Chairman of the Board, Pengiran Omar bin Pengiran Sabtu, who is also the Assistant District Officer, presented the donations to the orphans.



Awang Lamat bin Haji Ismail (right) and Pengiran Mohammad Noor bin Pengiran Mohammad Salleh, both Clerks with the Postal Services Department, seen above at the Brunei International Airport before their departure for Singapore to attend a month-long Basic Clerical Course in the Republic.

During the course which includes "practical attachments" the two Clerks will be with the Singapore Postal Department.

High Com. visits Temburong

BANGAR. — The British High Commissioner, Mr Arthur Watson and his wife last week visited the Temburong District.

Mr and Mrs Watson were welcomed on arrival here by a group of government officials led by the District Officer, Awang Hj Yaakub bin Haji Ahmad who conducted them on a tour of the district.

They first went to the District Office, then to the Telecommunications Office and the Royal Brunei Malay Regiment's camp near here.

Later they visited the Sultan Hassan School and the Lepong Baru Long House where they were entertained to tribal dances by the Ibans.

Soccer, chess tourneys

BERAKAS. — The Perang kab Association of Kampong Burong Pingai here is organising a seven-a-side football tournament in conjunction with His Highness the Sultan's birthday celebrations this year.

The tournament which will be held next month is open to government departments, youth and welfare organisations, commercial firms, schools and colleges.

Those interested should submit their entries not later than May 26.

Meanwhile the annual National Chess Championships, also part of His Highness the Sultan's birthday celebrations, have started at the Youth Centre.

The championships are divided into separate sections for clubs, schools, youth associations, individuals and for youths below the age of eighteen.

There is also a special match between Cheterias and Pehins.

Brunei to attend Taiwan Tour

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Brunei State Youth Council, BSYC, has been invited to send eight delegates to the 1979 Inter-

national Youth Culture and Recreation Tour of Taiwan from August 16 to September 1.

A BSYC statement said those interested to be included in the Brunei delegation should contact Pengiran Yusof bin Pg. Anak Hashim at the Establishment Department here and Awang Abdul Latif bin Hj Ibrahim at the Brunei Museum in Kota Batu not later than May 31.

The Tour is expected to be attended by more than

two hundred delegates from thirty countries and areas in the world.

They will be guests of the China Youth Corps which will provide board, lodging and transport within Taiwan.

The programme will include sightseeing and visits to various Chinese Youth activities centres, educational institutions, government organisations, and current and completed major economic development projects in the country.

29 more to get belts

JALAN MUARA. — Another twenty-nine members of the Royal Brunei Police Force are to receive judo belts at a ceremony to be held at the Police Training Centre here this Saturday.

The policemen will receive the belts from their commissioner, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pengiran Jaya bin Pengiran Haji Rajid, who is also the President of the Brunei Amateur Judo and Karate Association.

So far more than two thousand belts including a considerable number of black and brown ones have been awarded to members of the Force.



An interviewer asks the driver of this car for his views in the current traffic survey launched by the Government.

Civic Course for 65

BANGAR. — Thirty-four Singapore soldiers last week donated blood to the State Blood Bank at the hospital here.

The soldiers who are currently undergoing jungle training in the district each gave a pint.

The donation brought to six hundred and three pints the amount of blood collected so far this year by the State Blood Bank.

KUALA BELAIT. — About sixty-five people from youth associations, government departments and business organisations will participate in a civic course starting this Saturday at the Civic Centre here.

The two-day course organis-

ed by the State Secretariat will be declared open by the Chief Information Officer, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Awang Mohammad Salleh bin Haji Masri.

An exhibition on the development of the Belait District will be held at the same time.

Blood bank boosted

DI-CHERITAKAN dalam fatwa bagaimana Kementerian Dalam Negeri Mesir telah menerima surat daripada Kementerian Kesihatan Mesir mengenai penganut2 Bahai yang beranak atau kematian, supaya dalam borang pada *ruangan agama* bagi kanak2 atau si-mati itu hendaklah di-tulis perkataan BAHAI. Surat ini bertarikh pada 23hb Mach, 1954.

Saya akan nukil isi cerita ini dengan uslub atau style saya sendiri dengan tidak mengubah maksud-nya.

Kementerian Kesihatan Mesir mengingatkan tentang mazhab atau agama Bahai itu ada-lah tidak di-akui oleh negara Mesir, dengan ia sendiri merasa bimbang kalau2 orang2 Bahai itu akan menjadikan surat2 akuan beranak atau mati yang sa-umpama itu sa-bagai sandaran kepada agama mereka itu di-akui.

Kementerian Kesihatan juga telah meminta pandangan dari Bahagian Pejabat Masharakat dan Kebudayaan Negara Mesir, dan Pejabat itu menjawab:

Bahawa perkara agama Bahai telah pun di-hadapkan kepada Mahkamah Penyelesaian mengenai hal **PERKAHWINAN SA-ORANG BAHAI TIDAK DAPAT ELAON PERKAHWINAN**. Orang Bahai tersebut telah menuntut di-hadapan mahkamah supaya ia-nya di-bayar elaon tersebut dari mula2 ia kahwin lagi, yang bermakna juga tuntutan itu termasuklah elaon ka-bela-kangan.

Mahkamah telah menolak tuntutan tersebut dengan berkata: Bahawa agama Bahai tidak pernah wujud dari segi undang2, dan sa-barang orang Islam yang menganut-nya ada-lah di-iktibarkan ia murtad keluar dari Uagama Islam. Dan ada pun orang murtad, perkahwinan-nya *batal* pada shara'.

Oleh hal yang demikian pejabat itu telah memberi keputusan, bahawa jangan di-tulis sa-suatu dalam *ruang agama* bagi surat2 beranak atau mati itu. Begitu juga Kementerian Kesihatan telah meminta supaya di-keluarkan perentah kepada jajahan2 dan daerah2 untuk mengambil ingatan apabila hendak menulis surat2 akuan beranak atau mati bagi orang2 Bahai, hendaklah di-tarohkan garisan miring dari sa-belah atas ka-bawah dalam *ruang agama*, dengan tidak menuliskan sa-barang nama agama di-dalam-nya.


Demikianlah, Kementerian Dalam Negeri pun mengeluarkan surat pekeling kepada Gebnor2, Pegawai2 Daerah dan ketua2 pejabat di-berbagai-bagai urusan supaya menjalankan perintah tersebut.

Berkata Mufti Mesir: Semua yang tersebut diatas bertepatan dengan peratoran shara' Islam. Puak Bahaiyyah itu keluar dari Uagama Islam, tiada harus (tiada sah) berkahwin dengan mereka itu, dan tiada sah di-beri pusaka dan tiada halal di-tanam mayat bangkai mereka di-dalam

Siri ketiga puluh tujuh

SAMBIANG BAHA'I

(IBAN)



KULIT buku Panduan chara2 sembahyang Bahai dalam bahasa Iban mengandungi 15 muka yang di-terjemahkan dari THE NEW GARDEN muka surat 92, yang di-susun oleh NATIONAL TEACHING COMMITTEE OF THE BAHAI'S OF SARAWAK.

tanah perkuboran orang Islam. Wallahu A'lam.

Mengenai pesaka orang Bahai, Mufti Mesir juga berkata, bahawa orang yang menganut mazhab Bahai itu jadi murtad dan keluar dari Uagama Islam, kerana telah di-ketahui iktikad Bahaiyyah itu iktikad kufur berterang-terang segala milek-nya *tanggal dan lepas* daripada-nya bagi sementara, jika ia kembali Islam maka balek milek-nya sa-mula kepada-nya, dan apabila ia mati murtad, maka warith-nya yang Islam mengambil pusaka-nya dari pencharian-nya ketika ia dalam Islam, dan pencharian-nya dalam murtad terpulung kepada Baitul Mal. Demikian menurut mazhab Hanafi.

Itu-lah antara lain fatwa dalam fatwa pada meng-kufurkan puak Bahaiyyah.

Itu-lah antara lain fatwa dalam fatwa pada meng-kufurkan puak Bahaiyyah.

KITAB2 UGAMA DAN LAIN2 MENGENAI BAHAI

Seterus-nya di-terangkan pandangan Ulama2 atau pengarang2 kitab dan buku2 mengenai Bahaism ini.

Menurut kitab *At-Tafsiru Walmufassirun* karangan Al-Ustaz Ash-Sheikh Muhammad Hussein Az-Zahabi Mahaguru Azhar, bahawa pada tahun 1961 Kerajaan Allahyarham Presiden Jamal Abdul Nasir, telah menghalau orang2 Bahaiyyah dari bumi Mesir dan merampas harta benda dan pusat Bahai serta pusat itu di-jadikan Persekutuan Menghafaz Kor'an. Di-mashorkan rampasan itu dalam suatu majlis yang besar. (Demikian juga sebelum itu — *Penulis*) pada tahun 1952 Kerajaan Presiden Jamal Abdul Nasir



telah menghalau orang2 Batiniyyah yang memakai nama Al-Bakdashiiyyah yang diam di-tempat bernama Mughawiri dan di-keluarkan (terus — *Penulis*) dari negeri Mesir.

Kitab *Al-Mazahibul Islamiyyah* karangan Al-Ustaz Muhammad Abu Zohrah Mesir, pula berkata: "Puak Bahaiyyah itu bukan puak Islam, sebab ia keluar dari ajaran Islam yang telah ijma' (sa-kata — *Penulis*) umat Islam di-atas-nya. Fikiran2 Al-Bab (Mirza Ali Muhammad — *Penulis*) dan rekaan2-nya adalah kufur yang berterang-terang. . .

Menurut Al-Ustaz Muhammad Abu Zohrah lagi, bahawa kita menulis ini (sa-bagai — *Penulis*) menggambarkan mazhab Bahaiyyah menurut pandangan orang2 Bahai dan orang2 Eropah (yang kedua2-nya ada-lah chergas bergiat dalam mengembangkan keperchayaan baru ini — *Penulis*), kerana (dengan-nya atau dengan chara itu — *Penulis*) boleh meruntuhkan Uagama Islam. Dan menurut-nya, mazhab Bahaiyyah itu suatu waham yang terdiri dalam suatu waham, tetapi ia laku (laris — *Penulis*) di kalangan orang Amerika dan Eropah. . .

Bahaiyyah chergas (pesat tersibar — *Penulis*) dalam negeri2 Islam ia-lah dalam masa2 kelemahan masharakat umat Islam sebab diserang oleh dakyah musoh2 Islam sa-lepas peperangan dunia pertama dan kedua.

Menurut Encyclopaedia Britannica Vol. 2 m.s. 1038: Bahaism atau Bahai itu telah menjalar ka-dunia Barat pada tahun 1890, dan pada tahun 1920 ia berkembang dengan deras (pesat — *Penulis*) di-Amerika Sharikat, dan terdapat masharakat Bahai kira2 260 tempat di-merata-rata negeri dan jajahan dalam Amerika Sharikat. Buku2 sastera Bahai telah di-terjemahkan ka-dalam 230 bahasa.

Berkata Al-'Allamah Mufti Johor, As-Syed 'Alwi bin Ta-

hir Al-Haddad rahimahullah dalam *Anwarul Kor'an*: Na'ibarah Ulama menyokong fatwa yang terdahulu sebutan-nya. Tuan2 pembacha telah sa-kam dan sa-ia pada mengkufurkan Ghulam Al-Mutanabbi dan pengikut2-nya (juga puak2 Taslim, Isma'iliyyah, Bahaiyyah dan Bahai kerana nama jenis kufur puak2 itu). Ulama2 itu telah membawa nas ilmu fegeh yang menjokkan kufur mereka itu, sebab perkara yang membawa mereka kufur telah di-ketahui dengan terang dalam Uagama Islam (ma'fuman minaddini bidzarurah).

Di-sini kita bawakan sa-bahagian nas 'ibarah Ulama itu. Dalam kitab *At-Tuhfah* karangan Ibnu Hajar Al-Haitami serta *Matnul Minhaj* karangan Al-Imam An-Nawawi pada mazhab Shafi'e (kitab Muk-tamad pada Ulama) dalam perkara yang menjadikan sa-orang itu murtad keluar dari Uagama Islam.

Barangsiapa menafikan ADA ALLAH penjadi makhlok, atau menafikan RASUL2 ALLAH atau SA-ORANG daripada mereka itu, atau ia mengingkarkan SATU HURUF AL-KOR'AN yang telah ijma' Ulama pada-nya, atau menambahkan SATU HURUF KAPADA AL-KOR'AN dengan iktikad huruf itu daripada Al-Kor'an padahal huruf itu telah ijma' Ulama menafikan-nya daripada Al-Kor'an, atau ia kurangkan SATU HURUF AL-KOR'AN daripada Al-Kor'an, padahal ijma' Ulama pada-nya, atau ia mengharuskan ADA PANGKAT KENABIAN boleh disandarkan kepada sa-orang sa-sudah Nabi kita (Muhammad s.a.w.). Nabi Allah 'Isa itu telah di-jadikan Nabi sa-belum Nabi kita, dari itu tiada-lah berlawanan (apabila di-katakan bahawa — *Penulis*) Nabi 'Isa turun daripada langit kabumi pada akhir zaman kelak, dia bukan-lah mendapat pangkat kenabian yang baharu. Begitu juga (menjadi kufur — *Penulis*) berchita-chita ada pangkat kenabian kemudian daripada wujud Nabi kita s.a.w. saperti juga berchita-chita akan kufur sa-seorang Islam dengan tujuan redhakan kufur-nya. (yakni — *Penulis*) bukan kerana beriman kepada-nya, atau saya tiada perchayaan menurut qual al-awjuh (yang di-utamakan). Atau dia menghalalkan barang yang haram dengan ijma' dan yang di-kehendaki haram-nya dalam agama dengan ilmu dzaruri saperti zina, liwath (homosexual — *Penulis*), minum arak atau 'akas-nya (sa-balek-nya — *Penulis*) yakni dia mengharamkan barang yang halal dengan ijma' atau dia menafikan barang yang di-ijma'kan atau 'akas-nya."

(Bersambung)

Pendakwah mesti-lah kuat azam dan kemahuan serta tegoh pendirian.

SA-ORANG pendakwah mesti-lah kuat azam dan kemahuan serta tegoh pendirian-nya bukan orang yang hangat2 tahi ayam dan orang yang lemah pendirian di-mana arah angin ka-situ dia chondong. Kalau kita kaji sejarah orang2 kenamaan yang telah berjaya membawa perubahan kepada masyarakat-nya neschaya kita dapati bahawa mereka ada-lah orang2 yang berkemahuan dan berazam kuat serta tegoh di atas pendirian-nya. Bagi mereka pantang surut sebelum berjaya. Mereka benar2 menghayati apa2 yang mereka perjuangkan, mereka terus berusaha dengan tiada mengenal putus asa sa-hingga mereka berjaya.

Kita lihat chontoh yang paling berkesan dalam sejarah hidup Rasulullah s.a.w. dalam menyebarkan dakwah Islamiah di-kalangan umat Baginda. Kalau-lah bukan kerana kuat-nya azam dan kemahuan Baginda, dan kalau-lah bukan kerana tegoh-nya pendirian Baginda (tentu-nya di-samping pertolongan Allah jua) neschaya Umma Islam tidak-lah akan berkembang sa-bagaimana sa-mesti-nya. Dalam berdakwah Baginda telah menghadapi berbagai-bagai halangan yang berupa pujukan2, cherchaan2, penganiayaan2, ugutan2, anchaman2 dan berbagai-bagai lagi, semua-nya tiada mematahkan semangat dan pendirian Baginda. Baginda pernah di-datangi oleh ketua kaum Quraish Mekah memujuk Baginda supaya memberhentikan dakwah Islamiah. Mereka sanggup menjadikan Baginda sa-bagai raja mereka, atau memberikan Baginda harta2 kekayaan yang banyak, atau memberikan perempuan yang chantik untuk isteri Baginda asalkan Baginda tiada meneruskan dakwah itu. Tetapi semua-nya telah di-tolak Baginda, pernah Baginda di-chercha, dimaki hamun, di-limpari kotoran2 dan najis2, di-chekek leher, di-limpai batu sa-hingga mengalir darah Baginda, pernah Baginda dan kaum keluarga Baginda di-pulaukan dan di-penichkan sa-lama beberapa tahun, pernah Baginda di-ancham dan di-ugut dan berbagai-bagai kejahatan musoh2 Baginda dengan tujuan supaya Baginda berhenti berdakwah, tetapi semua-nya itu tidak mematahkan kemahuan dan azam serta keteguhan pendirian Baginda dalam menyampaikan dakwah Islamiah itu. Baginda tetap meneruskan usaha Baginda sa-hingga berjaya atau mati kerana-nya. Baginda pernah bersabda kepada bapa saudara Baginda Abu Talib yang erti-nya: "Demikian Allah wahai bapa saudara-ku, andai-nya mereka itu (musoh2 Islam) mele-takkan matahari di-kanan-ku dan bulan di-kiri-ku supaya aku meninggalkan

BEBERAPA SHARAT MENJADI PENDAKWAH ISLAMIAH

(SAMBONGAN)

OLEH
YB. PEHIN DATU
IMAM DATO PADUKA
SERI SETIA HJ.
ABD. HAMID

**Seminar
Dakwah
Islamiah
Pegawai2
Rendah
Kerajaan**

perkara ini (dakwah Islamiah) neschaya aku tidak akan meninggalkan-nya sa-hingga-lah Allah memberi kemenangan atau aku bina-sa tanpa menchapai kemenangan itu".

Demikian kuat-nya kemahuan dan semangat Baginda dalam menghadapi segala dugaan dan halangan yang bertujuan untuk menghancurkan dakwah Islamiah, Baginda tetap tegas dan tiada berganjak daripada pendirian Baginda demi untuk kejayaan dakwah Islamiah itu. Ini chontoh yang mustahak dijadikan panduan bagi pendakwah.

Berusaha mengikuti jejak langkah Rasulullah s.a.w.

Sharat yang kelima menghendaki supaya pendakwah mengikuti sunnah atau jejak langkah Rasulullah s.a.w. pada semua langkah2 dan pekerjaan2-nya. Kerana dengan memestikan diri mengikut sunnah Baginda, dapat pula di-pastikan kejayaan usaha2 berdakwah itu, sebab Allah Ta'ala telah memerintahkan umat Islam supaya mengikuti jejak langkah dan petunjuk Rasulullah s.a.w., seperti Firman-Nya dalam Surah Ali-Emran

ayat 31 yang erti-nya: "Katakan-lah wahai Muhammad (kapada orang2 kafir itu) jika kamu kasehkan Allah maka neschaya kamu di-kasehi oleh Allah (di-korbankan-Nya kamu pahala) di-ampuni-Nya dosa2 kamu".

Firman Allah Surah Al-Ahzab ayat 21 yang erti-nya: "Sa-sungguh-nya terdapat pada Rasulullah itu ikutan yang baik bagi kamu".

Sa-sungguh-nya sirah atau perjalanan hidup Baginda Rasulullah s.a.w. ada-lah sa-agong2, dan sa-lengkap2 sirah bagi umat manusia seluruh-nya. Ia-nya tetap dalam keadaan-nya yang abadi yang telah di-pelihara oleh Allah sa-bagai chahaya yang menerangi para pendakwah dan sa-bagai hujjah2 mereka. Sunnah Rasulullah s.a.w. ada-lah sumber kedua Al-Kor'an—nulkarim yang wajib di-ikuti dan di-patohi oleh umat Islam.

(BERSAMBONG)



MELANGSONGKAN majlis pengIslaman (gambar) pada hari Khamis, 3hb Mei, 1979 yang lalu ia-lah sa-keluarga dari puak Dusun yang terdiri empat orang yang masing2 memilh nama Islam mereka sa-bagai Awang Md Alihan bin Abdullah, Dayang Faranazilah bte Abdullah, Dayang Habibah bte Abdullah dan Marsuzilaila bte Md Alihan. Majlis pengIslaman itu telah di-langsungkan di-ruham mereka di-Sungai Liang, Belait dan di-sempurnakan oleh empat orang pegawai agama. Turut hadir menyempurnakan majlis itu ia-lah Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman, Penguasa Penerangan dan Tabligh; Dato Paduka Haji Abdullah bin Haji Mohd Jaafar serta lain2 pegawai kanan kerajaan. (Gambar chsan JHEU).

SA-TIAP insan yang melata di-permukaan bumi ini perlu-lah mempunyai chita-chita atau pun kemahuan. Ini tertaklok-lah kapada keupayaan masing2. samada hendak menguasai diri, keluarga atau pun masyarakat. Chita2 ini ada-lah di-anggap sa-bagai perlu kerana ia ada-lah berupa sa-bagai suatu chahaya yang bersinar di-dalam gelap gelita. Ia juga merupakan sa-bagai suatu pemimpin yang bijak dalam menghadapi gelombang hidup ini, kerana dengan-nya kita akan memperolehi semangat baru apabila terganggu oleh penyakit terhenti di-tengah jalan.

Chita2 ini bukan-lah berupa sa-bagai suatu angan2 dan khayalan yang terguir di-dalam fikiran kita. Sa-bagai mithalan, kita berfikir begini dan berfikir begitu, yang mana boleh-lah di-umpamakan sa-bagai diri kita yang dudok termenong sambil berkata: 'mungkin aku jadi-orang kaya... mungkin aku dapat pangkat besar'... dan serba kemungkinan lagi yang di-angan2kan. Tetapi aneh-nya kita chuma dudok menungkat dagu saja tanpa ada-nya dayausaha dan ikhtiar yang di-sampingi dengan pengorbanan2 tenaga, fikiran, jiwa raga dan tabah menghadapi akan sa-suatu.

Untuk menchapai apa2 yang di-chita2kan ini, bukan-lah sa-bagai suatu urusan yang mudah dan di-anggap ringan saja. Malah kita harus menempoh jalan yang berliku-liku, berani menanggung dan menghadapi segala macham rintangan yang machamana jua pun besar-nya. Ini ada-lah di-sebabkan kecekalan hati kita untuk menchapai apa2 yang di-chita2kan dengan penoh keyakinan.

Sa-bagai mithalan, sa-orang penuntut yang sedang belajar di-bangku sekolah. Jika ia mempunyai chita2 yang tinggi seperti hendak melanjutkan pelajaran-nya ka-peringkat yang lebih tinggi, tentu-lah ia terpaksa berhempas pulas menghadapi sa-ribu satu rintangan. Terpaksa menghadapi hasutan2 dari kawan2-nya yang nakal, terpaksa memerangi perasaan malas yang selalu menyerang-nya, pandai membahagi masa, mengorbankan wang ringgit untuk membeli buku2 tambahan dan pendek-nya, terpaksa berkorban dengan apa jua bentuk pengorbanan untuk menchapai apa2 yang di-chita2kan. Ini-lah yang di-katakan sa-bagai jalan penghubung untuk menuju ka-suatu matalamat yang di-chita2kan.

Di-samping itu kita tidak-lah pula dapat menafikan bahawa sa-tiap yang kita lakukan sa-bagaimana yang di-sebutkan tadi itu akan menghasilkan sa-bagaimana yang kita harap2kan. Sa-benar-nya semua-nya ini ada-lah sa-bagai salah satu dari chubaaan bagi diri kita. Ada-kah dengan sebab itu nanti akan mematahkan semangat dan chita2 kita sa-bagaimana yang mulla-nya, ataupun kita gagah2 diri kita untuk menuju kematalamat yang kita chita2kan.

CHITA2 MESTI-LAH DI-SAMPIRI USAHA

Sa-bagai umat Islam, kita mesti-lah menganggap yang kegagalan kita yang pertama itu ada-lah pembuka jalan untuk menuju kejayaan.

Sama jua hal-nya dengan sa-orang peniaga, ia terpaksa menempoh berbagai-bagai rintangan dan chubaaan. Kalau-lah semangat dan chita2-nya tidak begitu kukuh dan kuat tentu-lah kegagalan pertama-nya akan memusnahkan segala chita2-nya. Tapi kalau ia mempunyai chita2 yang betul2 dan benar2 berjiwa peniaga tentu-lah segala rupa bentuk rintangan itu akan di-anggap perkara mudah saja. Dan tentu-lah mudah untuk menchapai apa2 yang di-chita2kan.

Tapi lain hal-nya kalau sa-seorang yang berchita-chita tapi bukan bernama chita2. Konon hendak jadi itu dan hendak menjadi ini, tapi ia chuma menungkat dagu saja. Ataupun tidak hendak menggunakan tenaga, tidak ada apa2 pengorbanan, dan pendek-nya chuma hendakkan apa2 yang di-hajati datang bergolek dan datang melayang sendiri. Ini bukan-lah bernama chita-chita, tetapi ada-lah berupa angan2 kosong saja. Tentu-lah angan2 itu tinggal angan2 saja tanpa memperolehi apa2 hasil.

Akhir-nya dapat-lah kita menyimpulkan bahawa chita2 perlu di-tanamkan di-sanubari kita, demi ke-

**Bingkisan
minggu
ini**

pentingan peribadi, masyarakat, dan negara. Sa-tiap chita2 itu pula mesti-lah di-iringi dengan dayausaha dan ikhtiar dan pengorbanan2 yang perlu. Dan jika terkandas, teruskan, chuba dan chuba lagi hingga menchapai apa2 yang di-chita2kan.

Untuk itu kita renongkan sa-buah hadith yang telah di-riwayatkan oleh Al-Khatib yang maksud-nya kira2: "Adapun pengharapan itu suatu rahmat dari pada Allah kapada umat ku. Kalau-lah tidak kerana pengharapan tiada-lah sa-orang ibu mahu menyusukan anak dan tiada-lah sa-orang peladang akan menanam pokok tanaman".

Peraduan Kor'an bahagian dewasa

BANDAR SERI BEGAWAN. —Peraduan Membaca kitab suci Al-Kor'an bahagian dewasa bagi Kawasan Brunei III akan di-adakan di-Sekolah Ugama Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah, Kampong Lu-rong Dalam pada hari Ahad, 20hb Mei mulai jam 8.30 pagi. Penolong Pegawai Daerah Brunei-Muara, Awang Abdul Hamid bin Ismail akan merasmikan peraduan tersebut semantara hadiah2 akan di-sampaikan oleh Penguasa Penerangan dan Tabligh, Awang Hj Badaruddin bin Pengarah Haji Othman.

Peraduan tersebut ia-lah bagi memilh wakil Kawasan Brunei III ka-peraduan peringkat daerah yang akan di-adakan pada 19hb Jun depan.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 16hb Mei, 1979 hingga ka-hari Selasa 22hb Mei, 1979 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzuhur	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Terbit
16hb Mei	12.23	3.40	6.32	7.44	4.37	4.51	6.05	
17hb Mei	12.23	3.40	6.32	7.44	4.37	4.51	6.05	
18hb Mei	12.23	3.40	6.32	7.44	4.37	4.51	6.05	
19hb Mei	12.23	3.40	6.32	7.44	4.37	4.51	6.05	
20hb Mei	12.23	3.40	6.32	7.44	4.37	4.51	6.05	
21hb Mei	12.23	3.41	6.33	7.45	4.37	4.51	6.05	
22hb Mei	12.23	3.41	6.33	7.45	4.37	4.51	6.05	

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.



KAJIAN lalu-lintas telah diteruskan lagi dengan menemuduga pemandu2 kereta di-jalan2 raya.

Pada minggu lalu, pekerja2 dari sharikat kejuruteraan Associated Consultant Private Ltd telah menjalankan temuduga di-sepanjang Jalan2 Berakas, Tutong, Muara dan Kota Batu.

Jalan2 raya itu ada-lah termasuk dalam kawasan kajian lalu-lintas dan merancang Jalan Besar untuk Bandar Seri Begawan.

Pengkajian yang telah dimulakan dalam bulan April itu ia-lah untuk merintis satu sistem jalan besar dan kemudian lalu-lintas yang dapat mengimbangi keadaan menjelang tahun 2000 dan untuk meninjau tempat2 yang di-fikirkan dapat di-perbaiki untuk mengurangkan kesesakan lalu-lintas yang semakin pesat.

Gambar atas kelihatan salah sa-orang pekerja dari sharikat itu dengan di-bantu oleh Polis Trafik sedang menemuduga pemandu di-Jalan Berakas.

17 orang pegawai pulis naik pangkat

BANDAR SERI BEGAWAN.—Sa-ramai 17 orang pegawai Pasokan Pulis Diraja Brunei telah di-naikkan pangkat.

Pesuruhjaya Pulis, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pengiran Jaya bin Pengiran Haji Rajid mengumumkannya, kenaikan pangkat bagi pegawai2 itu bermula pada 1hb Mei, 1979.

Timbalan Penguasa Pulis, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Perkasa Pengiran Haji Hamdan bin Pengiran Haji Ismail dilantik memegang jawatan Penguasa Pulis.

ASP Mohammad bin Yusof di-naikkan untuk memegang jawatan Timbalan Penguasa Pulis.

Empat orang di-naikkan ka-pangkat Timbalan Penguasa Pulis. Mereka ia-lah Pemangku ASP Abdul Hamid bin Pehin Datu Indera Sugara Dato Seri Laila Jasa Haji Johari, Merinyu

Kanan Tajuddin bin Mohd Yusof, Merinyu Kanan Abdul Rahman bin Haji Johan dan Ketua Merinyu Chua Peng Kui.

Merinyu Kanan Mohamad bin Haji Zainal Abidin dan Merinyu Kanan Zainal Abidin bin Haji Sanip dinaikkan pangkat untuk memegang jawatan Penu-long Penguasa Pulis.

Merinyu Kanan Martin Bungga dan Merinyu Kanan Dato Joseph Yong dinaikkan pangkat Ketua Merinyu.

Tujuh orang di-naikkan ka-pangkat Merinyu Kanan. Mereka ia-lah Insp Colin Chong Choo Kee, Insp Wong Boon Thong, Pemangku Merinyu Kanan Sout bin Moksin, Insp Lintong bin Inggar, Insp Mohd Rakawi bin Serang Mohammad, Insp Abd Majid bin Ahmad dan Insp Bahar bin Asut.

MUZIUM SA-BAGAI INSTITUSI PENDIDIKAN

Oleh: Awang Lim Jock Seng

BERIKUT ia-lah sambongan renchana 'Muzium Sa-bagai Institusi Pendidikan' yang di-tulis oleh Timbalan Pengarah Muzium, Awang Lim Jock Seng.

Dalam siri pertama minggu lalu, Awang Lim Jock Seng telah menghuraikan mengenai dengan kumpulan dan pameran ia-itu dua dari tiga jurusan yang berhubung rapat dalam penubuhan sa-sebuah muzium. Minggu ini, Awang Lim Jock Seng membincangkan pula atas tajok Muzium Sa-bagai Satu Yayasan Pendidikan.

PENDIDIKAN:

SA-LEPAS saya memberi serba sedikit penerangan mengenai dengan kumpulan dan pameran2 di-Muzium, sekarang kita beralah pula untuk sama2 memikirkan dan sama2 membincangkan atas tajok "Muzium, Sa-bagai Satu Yayasan Pendidikan".

Kumpulan barang2 dan bahan2 di-Muzium, serta pameran2 yang di-adakan mahupun sechra pameran tetap sementara dan bergerak, tujuan utama-nya ia-lah untuk pendidikan, dan jika tujuan ini tidak ada segala pameran2 dan kumpulan2 itu ada-lah sia2 sahaja. Jadi-nya ini-lah tanggung-jawab yang berat yang menjadi beban kepada sa-sebuah Muzium itu.

Mengikut sejarah Muzium2 di-seluruh dunia, di-Kurun 19 Muzium itu di-tubuhkan hanya bertujuan untuk membuat kumpulan2 sahaja, tetapi ini mendatangkan faedah yang agak terhad.

Dalam kurun ke-20 ini, penduduk2 dan orang2 ramai di-seluruh dunia telah mulai memahami, bahawa Muzium itu ada-lah sa-bagai satu Pusat Pendidikan. Dengan bertamabah-nya masa2 kelapangan disebabkan teknologi2 baru yang menolong meringankan kerja2 di-rumah2, seperti Meslin

Penchuchi Kain, pentenak nasi, vacuum cleaner dan kitil elektrik, dan begitu juga jam2 bekerja di-pendekkan, orang2 di-beri penchen lebih awal lagi, ini menyebabkan sa-golongan orang ramai mempunyai masa lapang yang panjang untuk melawat ka-Muzium2 dan tempat2 yang menarik. Ia-nya bukan sahaja terhadap kepada orang2 yang berada tetapi menyeluruh kepada semua peringkat.

Kemudahan2 yang di-sediakan dan yang terdapat di-Muzium2 untuk pendidikan ada bermacam-macam. Dalam bahagian penyelidekan misalnya, bahan2 yang di-kumpulkan oleh Muzium yang berbagai-bagai jenis ini ada-lah menjadi bahan2 rujukan dan penyelidekan, apa2 penyelidekan yang akan di-buat di-Brunei misal-nya, sa-harus-nya merujuk kepada bahan2 yang ada di-kumpulkan di-Muzium, begitu juga di-dalam hal2 sejarah dan dalam hal2 yang tertentu.

Barang2 Kaji Purba yang digali dan di-dapati di-seluruh Negeri Brunei juga menjadi bahan2 sejarah di-mana nanti ahli2 sejarah dapat merujuk mengenai dengan bahan2 itu,

ini sangat2 mustahak oleh sebab Brunei tidak mempunyai dokumen2 lama, yang mana kebanyakan dokumen2 itu telah hancor di-sebabkan keadaan cuaca dan lain2. Tetapi dengan ada-nya bahan2 ini-lah satu daripada-nya bahan2 yang di-kumpulkan oleh Muzium Brunei itu menjadi bahan2 untuk pendidikan khas-nya kepada para penyelidek.

Muzium juga menjadi Pusat Pendidikan kepada sa-seorang penuntut yang berada di-bangku sekolah, dari peringkat primary hingga kepada peringkat University.

Pameran2 tetap, sementara dan bergerak, sememangnya di-tunjukkan kepada penuntut2 khas-nya, dan kepada orang ramai am-nya.

Jika di-bandingkan dengan pelajaran2 yang di-dapati di-bangku2 sekolah, banyak perbezaan yang dapat kita lihat, dapat kita tekankan, pameran2 di-Muzium ini selain dari membaca ada-lah pendidikan sechra melihat dan meneliti (visual), ini-lah merupakan satu chara pendidikan yang berasingan daripada sekolah2 dan institusi2 yang lain.

Di-Muzium, Penuntut2 dapat-lah melihat keadaan2 dan benda2 yang sa-benar-nya dengan mata dan bukan-lah dengan chara membaca saja di-mana mereka terpaksa menggunakan fikiran dan imajinasi, misal-nya mengenai dengan binatang 'Buaya' di-sekolah hanya di-pelajari tentang keadaan buaya itu, tetapi di-Muzium pelajar2 dapat melihat 'buaya' itu dengan nyata dan begitu juga keadaan tempat sekeliling-nya di-mana binatang itu hidup. Perbezaan ini dapat-lah kita simpulkan bahawa di-Muzium, penuntut2 di-beri kebebasan untuk berfikir seluas-luas-nya dan pameran2 ada-lah memberi perangsang kepada mereka berfikir sendiri tidak semata-mata menerima dengan tidak melihat dengan nyata benda2 yang di-pelajari itu. Penuntut2 juga dapat mempelajari pelajaran2 yang barangkali tidak di-pelajari di-bangku2 sekolah seperti keselamatan jalan-raya dan lain2, tetapi dengan bantuan Pegawai2 Muzium, penuntut2 itu akan mengambil berat pelajaran2 mereka dengan chara menunjukkan barang2 yang asli dan benar, dan ini dapat menambah pengetahuan dan pengalaman mereka lebih luas lagi.

Di-bangku sekolah pelajaran yang dapat di-pelajari selalunya terhad kepada beberapa subject sahaja dan ini pun untuk peperiksaan sebarang laut. Di-Muzium, penuntut2 dapat mempelajari sejarah negeri-nya sendiri, kaum2 dengan adat istiadat, ugama dan bahasa-nya sendiri. Di-sini penuntut2 dan orang2 ramai dapat di-tunjukkan bahawa mereka sa-benar-nya hidup bukan sahaja berasingan tetapi berdamping dengan alam sekitarnya, dengan ini penuntut2 dan orang2 ramai dapat dan faham akan tempat2 mereka dan masyarakat yang meliputi di-dunia ini.

Pameran2 yang menunjukkan keadaan kaum dengan adat istiadat, ugama dan bahasa mereka masing2 akan dapat melahirkan fahaman2 yang sehat kepada orang ramai terutama sekali kepada jenerasi2 yang akan datang, agar mereka itu sedar dan faham serta simbol satu perasaan saling hormat-menghormati, tidak

berselisah faham antara satu dengan lain, dan dari kesedaran ini-lah mereka dapat membangun satu masyarakat dalam sa-buah negeri walau pun dengan penduduk yang berbilang bangsa.

Muzium bukan sahaja terhad kepada penuntut2 di-bangku sekolah, ia sa-benar-nya adalah yayasan pendidikan terbuka dan tidak terhad kepada umur, kelulusan dan lain2, (tidak-lah seperti kita hendak memasuki sa-sebuah University itu dengan kelulusan 'A' level misal-nya). Ini dapat-lah di-ibaratkan ia-nya sa-bagai University terbuka kepada setiap peringkat.

Baru2 ini saya telah bincangkan persediaan2 atau bagaimana Muzium menjadi satu pusat kepada penuntut2 dan pakar2 penyelidek. Sekarang saya mengambil perhatian kepada Awang/Dayang, bahawa Muzium juga memainkan peranan yang penting sa-bagai satu Pusat pendidikan terbuka kepada orang ramai, seperti orang buta-huruf, orang buta, chachad dan kepada seluruh peringkat. Barangkali di-Muzium Brunei pada masa ini belum ada persediaan2 tertentu terhadap membuat satu persediaan untuk orang2 buta dan orang2 chachad, tetapi ini ada-lah satu langkah yang akan di-amal di-masa hadapan.

Mungkin timbul satu soalan terhadap penerangan saya itu. Apakah chara-nya Muzium ini dapat di-anggap sa-bagai satu Pusat pendidikan kepada orang ramai, yang barangkali kelulusan mereka di-bangku sekolah ada-lah terhad terutama sekali kepada mereka yang buta huruf itu.

Jika di-perhatikan, kebanyakan pameran2 yang ada di-Muzium Brunei ia-lah bertujuan untuk memberi penerangan sa-chara melihat dan meneliti (visual) dan ini tidak-lah akan memaksa sa-seorang itu pandai menulis atau membaca, oleh sebab itu-lah di-beberapa Pameran Muzium Brunei ada terdapat gambar2 yang menunjukkan bagaimana alat2 kelengkapan itu di-gunakan. Saya beri satu mitalan, ia-itu 'Balok', bagaimana chara2 menggunakan-nya, dan begitu juga dengan lain2 barang seperti,

Kisaran Padi, Lasong dan lain2 yang terdapat di-Dewan Pameran 4, di-Muzium Brunei. Diorama2 di-Bahagian Kajian Alam juga bertujuan untuk memberi pandangan yang seluas-luas-nya dengan tidak payah membaca penerangan-nya, kerana di-sana mereka dapat melihat keadaan2 yang direka dengan tujuan ini.

Di-Muzium juga, pameran sentiasa terbuka kepada orang ramai pada bila2 masa sahaja, dan mereka dapat-lah datang ka-Muzium berulang-ulang kali dengan tidak dikenakan apa2 bayaran dan dengan tidak dipaksa untuk memasuki ka-Muzium itu, mereka tidak sa-mesti-nya mempunyai kelulusan2, di-sini juga tidak di-kawal sa-bagaimana di-bangku sekolah di-mana Guru2 mengadakan peperiksaan. Yang sa-benar-nya di-sini-lah Pusat pendidikan di-mana pelajaran2 dapat di-ikuti dengan sa-chara mempelajari sambil bermain dan seterusnya dengan senang hati.

Muzium juga dapat mengadakan tayangan2 wayang gambar, pameran2 khas, lawatan berpandu, sharahan2 dan tayangan Slide berpanduan kepada bahan2 yang ada di-dalam kumpulan Muzium itu, dengan melihat dan meneliti dengan berpanduan tayangan slide ini, ada-lah membuat satu2 pelajaran ini lebih menarik dan nyata.

Untuk kesimpulan, saya ingin menarek sekali lagi perhatian Awang2 dan Dayang2, bahawa tujuan Muzium ada-lah terbahagi kepada tiga jurusan ia-itu Kumpulan, Pameran dan Pendidikan, dan Muzium juga menjadi satu Pusat Pendidikan dengan mengadakan persediaan2 kepada penuntut2, pakar2 penyelidek yang orang ramai seperti, yang menyatakan tadi, ia-itu sa-chara lawatan berpandu, sharahan2, tayangan wayang gambar tertentu, pameran tetap, pameran sementara dan bergerak dan juga bahan2 kumpulan, buku2 risalah untuk mengkaji bahan2 sejarah.

Dengan persediaan2 ini, saya tidak ragu2 lagi untuk memastikan bahawa Muzium adalah satu Pusat atau Yayasan Pendidikan.

RUJUKAN:

- (1) Department of Education 1971 — Museums in Education — Education Survey No. 12.
- (2) Ripley D. 1970 — The Sacred Grove.
- (3) School Council 1972 — Pterodactyls & Old Lace: Museums in education.
- (4) UNESCO 1970/1971 Museum Vol. XXIII. No. 2.
- (5) Zetterberg. H. L. 1969 — Museums & Audit Education.

Jadual pendaftaran kempen X-ray

PEKAN TUTONG. — Rombongan dari Klinik Dada, Jabatan Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan akan meneruskan gerakan mendaftar nama2 penduduk di-Daerah Tutong sa-bagai persediaan bagi kempen mengX-ray penduduk2 di-daerah tersebut.

Pada hari ini dan esok, 17hb Mei, rombongan tersebut akan berada di-Kampung Tumpuan Ugas untuk mendaftar nama2 penduduk2 kampung tersebut. Mereka ini akan menjalani penggambaran X-Ray di-Rumah Sakit Tutong pada 19hb dan 21hb Mei. Jadual penggambaran bagi mereka

akan di-berikan sa-masa mendaftar.

Pada 22hb Mei, rombongan tersebut akan berada di-Kampung Tanjong Maya untuk meneruskan pendaftaran bagi penduduk2 kampung tersebut. Gerakan itu akan di-teruskan pada 23hb dan 24hb Mei.

Penggambaran X-ray bagi penduduk2 kampung ini akan di-jalankan pada 26hb Mei, 2hb dan 4hb Jun.

Pendaftaran nama bagi penduduk2 Kampung Lubok Pulau akan di-jalankan pada 5hb hingga 11hb Jun. Manakala penggambaran akan di-jalankan pada 12hb hingga 16hb Jun.

Jadual lawatan Perpustakaan Bergerak bagi 17hb hingga 23hb Mei, 1979

TEMPAT PERSINGGAHAN	TARIKH	HARI	MASA
Kawasan Rumah Ketua Kampong, Serasa	17.5.1979	Khamis	3.15- 4.15 petang
Kawasan Rumah Ketua Kampong Masjid Lama, Muara	17.5.1979	Khamis	4.30- 5.30 "
Kawasan Masjid, Kampong Sengkurong	19.5.1979	Sabtu	2.00- 3.00 "
Sekolah Melayu Orang Kaya Setia Bakti, Kilanas	19.5.1979	Sabtu	3.15- 4.15 "
Sekolah Melayu Bendahara Sakam, Bunut	19.5.1979	Sabtu	4.30- 5.30 "
Sekolah Melayu Sungai Hanching	21.5.1979	Isnin	3.00- 4.00 "
Berhadapan Kedai, Pekan Muara	21.5.1979	Isnin	4.30- 5.30 "
Sekolah Inggiris Berakas (Bhg. Menengah)	22.5.1979	Selasa	9.15-10.15 pagi
Sekolah Melayu Anggerek Desa	22.5.1979	Selasa	10.30-11.30 "
Sekolah Melayu Penglima Berudin, Limau Manis	23.5.1979	Rabu	8.30- 9.30 "
Sekolah Melayu Pengkalan Batu	23.5.1979	Rabu	9.45-10.45 "
Sekolah Melayu Masin	23.5.1979	Rabu	11.00-12.00 T/Hari

RANCHANGAN TV MINGGU INI

Pihak Radio Talivishen Brunei berhak untuk menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebih dahulu.

RABU - 16HB MEI,

PEMBUKAAN
KORAN DAN KESIMPULAN
MAANA-NYA
SUSUNAN RANCHANGAN
RENGKASAN BERITA
STAR TREK — "A Piece of the Action"
Kapitan Kirk bersama dengan Dr Spock dan Dr McCoy chuba untuk pergi ka-planet yang paling terpenchil untuk menyiasat kehilangan kapal kepunyaan persekutuan itu yang hilang 100 tahun sa-belum-nya.

AZAN MAGHRIB

STAR TREK — sambongan
BERITA DALAM BAHASA
INGGERIS

THE PAPER CHASE

AZAN ISHA

THE PAPER CHASE — sambongan

DR IN CHARGE —
"Man's Friend is Cat"

WARTA BERITA DALAM
BAHASA MELAYU

MAJALLAH BRUNEI

SHOW OF THE WEEK

Celebrity Concert
"Pat Boone and Family"

PERLAWANAN GUSTI

SIARAN TAMAT.

KHAMIS - 17HB MEI,

PEMBUKAAN

KORAN DAN KESIMPULAN
MAANA-NYA

SUSUNAN RANCHANGAN



RANCHANGAN terakhir dalam siri ini, chuba untuk berehat dengan pergi bersama teman-nya Danny. Tapi di-mana Quincy berada, di-sana ada bermacam2 aksi.

Quincy menerima kenyataan itu untuk menerima bukti yang akan menunjukkan ayah-nya, John, yang di-tudoh menjerat bekas isteri-nya. Malang-nya, Quincy utarakan membawa kapada ka-utagan2 dari raayat2 yang pa-punya di-bandar itu, dan sa-orang penyakit yang bersifat suka ber-nyanyi itu mendapati diri-nya di-tengah2 komplot yang ganjil.

Jack Klugman sa-bagai Quincy ranchangan terakhir siri ini hari Ju-16, jam 9.30 malam.

6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 BIG BLUE MARBLE
6.30 DR WHO — "Pyramids of Mars"
6.32 AZAN MAGHRIB
6.36 DR WHO — sambongan
6.55 BERITA DALAM BAHASA
INGGERIS

MALAM

7.10 LOU GRANT — "Physical"
7.44 AZAN ISHA
7.48 LOU GRANT — sambongan
8.00 HIDAYAT
8.30 WARTA BERITA DALAM
BAHASA MELAYU
8.45 DOKUMENTARI MELAYU:
Audubon Wildlife Theatre:
"Tanahliar Pusaka Kita"
Taman2 dan kawasan2 liar ada-lah untuk hiburan orang. Tapi kehidupan mereka bergantung atas bagaimana manusia menggunakan-nya. Jurugambar dan Gibson dan dua orang anak2-nya mempersembahkan semua ini bila mereka melawat kehidupan liar di-hutan Utara Kanada.

9.15 TAYANGAN FILEM MELAYU

11.15 SIARAN TAMAT.

JUMAAT - 18HB MEI,

PETANG

5.15 PEMBUKAAN
5.16 KORAN DAN KESIMPULAN
MAANA-NYA
5.28 SUSUNAN RANCHANGAN
5.30 KORG — "The Guide"
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 SAYANG ADEK-KU SAYANG
6.30 THE FAMOUS FIVE —
"Five on a Secret Trail"

Sa-orang yang tidak di-kenali chuba untuk menakutkan kumpulan 'The Five' — mereka tiba2 terjaga di-sebabkan oleh satu bunyi yang ganjil yang datang dan kemudian-nya mati samula. 'The Five' berazam untuk men-chari siapa atau apa-kah perkara itu sa-benar-nya.

6.32 AZAN MAGHRIB
6.36 THE FAMOUS FIVE — sambongan
6.55 BERITA DALAM BAHASA
INGGERIS

MALAM

7.10 THE GENERATION GAME
7.44 AZAN ISHA
7.48 THE GENERATION GAME —
sambongan
8.00 MORK AND MINDY —
"Sky Flakes Keep Falling on My Head"
8.30 WARTA BERITA DALAM
BAHASA MELAYU
8.45 PERTANDINGAN NYANYIAN
AMATUR ASIA PERINGKAT
NEGERI: Hong Kong
9.30 QUINCY: "Visitors in Paradise"
10.20 PERLAWANAN GUSTI
11.30 SIARAN TAMAT.

SABTU - 19HB MEI,

PETANG

5.15 PEMBUKAAN
5.16 KORAN DAN KESIMPULAN
MAANA-NYA
5.28 SUSUNAN RANCHANGAN
5.30 THE ADVENTURES OF
GULLIVER — "Hurricane Island"
Sertai-lah Gary Gulliver dalam siri pengembaraan yang lain sambil dia men-chari ayah-nya di-sa-buah pulau yang asing — Lilliput.
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 SESAME STREET
6.32 AZAN MAGHRIB
6.36 SESAME STREET — sambongan
6.55 BERITA DALAM BAHASA
INGGERIS

MALAM

7.10 DALLAS — "Fallen Idol"
7.44 AZAN ISHA

7.48 DALLAS — sambongan
8.00 TAHU-KAH AWDA
8.30 WARTA BERITA DALAM
BAHASA MELAYU
8.45 MAJALLAH BRUNEI
9.05 STARKY AND HUTCH
9.55 PREMIER SOCCER
10.45 TAYANGAN MALAM SABTU:
"Spanish Affair"
Bila Merritt Blake sa-orang akitek Amerika sampai di-Sepanyol dia mendapati yang ranchangan2-nya untuk membangun sa-buah hotel telah ditolak, tapi dia dalam keadaan roman-tis menjadi terlibat dengan juru-baha-sa-nya yang menarek.

12.15 SIARAN TAMAT.

AHAD - 20HB MEI,

PETANG

5.15 PEMBUKAAN
5.16 KORAN DAN KESIMPULAN
MAANA-NYA
5.28 SUSUNAN RANCHANGAN
5.30 CHOMAT DAN CHOMEL —
"Hutan"
5.45 OSCAR THE RABBIT IN
RUBBIDGE — "Snapdragon"
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 HOW
6.30 SOLDIER AND ME —
"No Escape"
Episod terakhir dalam cherita pengem-baraan kanak2 ini.
6.32 AZAN MAGHRIB
6.36 SOLDIER AND ME — sambongan
6.55 BERITA DALAM BAHASA
INGGERIS

MALAM

7.10 RETURN OF THE SAINT
7.44 AZAN ISHA
7.48 RETURN OF THE SAINT —
sambongan
8.00 WKRP IN CINCINNATI —
"The Contest that Nobody Could Win"
Kesilapan Johnny Fever membuat pengumuman di-udara telah mengubah ura2 hadiah \$50.00 menjadi \$5,000.
8.30 WARTA BERITA DALAM
BAHASA MELAYU
8.45 PERTANDINGAN NYANYIAN
AMATUR ASIA PERINGKAT
AKHIR
10.15 DRAMA: LILLIE "America"
Malam pertama dia berada di-Ameri-ka, Lillie bertemu dengan sa-orang Amerika muda yang kaya, Freddie Gebhard, yang membawa-nya melihat sekitar New York yang membuatnya-nya kekurangan masa untuk menjalani latehan2 untuk lakunan yang akan di-persembahkan-nya.
11.05 THAT'S HOLLYWOOD —
"Monster Rally"
11.35 SIARAN TAMAT.

ISNIN - 21HB MEI,

PETANG

5.45 PEMBUKAAN
5.46 KORAN DAN KESIMPULAN
MAANA-NYA
5.58 SUSUNAN RANCHANGAN
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 LITTLE HOUSE ON THE
PRAIRIE — Bahagian Pertama
6.33 AZAN MAGHRIB
6.37 LITTLE HOUSE ON THE
PRAIRIE — sambongan
6.55 BERITA DALAM BAHASA
INGGERIS

MALAM

7.10 CHARLIE'S ANGELS
7.45 AZAN ISHA
7.49 CHARLIE'S ANGELS — sambongan
8.00 DESA MEMBANGUN
8.30 WARTA BERITA DALAM
BAHASA MELAYU
8.45 MAJALLAH BRUNEI
9.05 HOW THE WEST WAS WON —
"The Gunfighter"



RICHARD Kiley dan Carmen Sevilla berlakun dalam tayangan malam minggu kali ini — "Spanish Affair". Sa-orang akitek tiba di-Madrid untuk bekerja di-hotel yang telah di-chipta-nya. Bagaimana pun dia mendapat ta-hu yang tiga orang ahli mereka telah menolak ranchangan-nya yang nampak-nya terlalu moden. Di-temani oleh Maria, setia usaha-nya yang menarek yang bertugas sa-bagai juru-bahasa-nya, dia mula untuk memujuk orang2 itu untuk menukar fikiran-nya.
Ikuti-lah ranchangan ini seterusnya pada hari Sabtu jam, 10.45 malam.

Henry Coe, sa-orang perintis jalan bahagian ternakan menganggap lembah di-mana keluarga Macahan diam itu sa-bagai harta milek-nya dan memulakan ranchangan-nya untuk meng-halau mereka.

11.05 SIARAN TAMAT.

SELASA - 22HB MEI,

PETANG

5.45 PEMBUKAAN
5.46 KORAN DAN KESIMPULAN
MAANA-NYA
5.58 SUSUNAN RANCHANGAN
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 SESAME STREET
6.33 AZAN MAGHRIB
6.37 SESAME STREET — sambongan
6.55 BERITA DALAM BAHASA
INGGERIS

MALAM

7.10 AMERICAN GIRLS
7.45 AZAN ISHA
7.49 AMERICAN GIRLS — sambongan
8.00 SERIKANDI
8.30 WARTA BERITA DALAM
BAHASA MELAYU
8.45 ARENA SOKAN
9.25 WHICKER'S WORLD: INDIA
"Don't feel guilty about your Cadillac and I won't feel guilty about my bi-cycle"

10.15 MAN UNDERCOVER — "Running Hill"
Siri baru di-mana pelakon utama-nya ia-lah David Cassidy sa-bagai pegawai pulis muda dan Shay. Dia di-pilih oleh Lt. Mitchell, untuk membantu-nya menyelesaikan siri2 rompak di-supermarket di-mana banyak dari orang2 yang berada di-situ telah di-bunuh.

11.05 SIARAN TAMAT.

DOKUMENTARI – WHICKER'S WORLD – INDIA



"SAYA paling takut ponteng sekolah kerana saya fikir hukuman 'Buang Sekolah' itu, sa-seorang murid tadi di-masokkan ka-dalam guni kemudian di-buang keluar dari bangunan sekolah" itu-lah sa-chiebis kenangan lucu semasa kechil dari Awang Ali Hashim bin Haji Daud (gambar atas), Penguasa Pelajaran Menengah yang akan mengisi ranchangan Siswazah Brunei keluaran 18hb Mei ini jam 7.30 malam dan siaran ulangan-nya pada 19hb Mei jam 1.00 tengah hari.

Kesah "Gunfighter" dalam How The West Was Won

HENRY Coe, sa-orang pe-rintis bahagian ternakan, menganggap Lembah di-mana keluarga Macahan dan keluarga mereka yang lain sudah menetap itu sa-bagai harta kepunyaan-nya kerana dia-lah orang pertama yang menetap di-sana. Kerana tidak ber-daya untuk membeli tempat 'Perkampungan' ini dia memulakan sa-buah ranchangan untuk menghalau mereka dan akhir-nya dia mengupah sa-orang yang bijak bermain senjata, Frank Grayson.

Bila Grayson tiba di-lembah itu dalam perjalan-an-nya untuk menemui Coe, dia melihat orang2 Coe mengancham untuk mengantong sa-orang dari ahli keluarga peladang di-situ yang maseh muda, sa-bagai sa-bahagian dari ranchangan yang berjalan untuk mengachau-bilaukan orang di-sana supaya lari dari sana. Sa-lepas itu, dia meneruskan perjalanan-nya dengan menonggang kuda dan memperkenalkan diri-nya kepada keluarga itu dan bersetuju untuk meng-iringi Laura Macahan yang melawat keluarga-nya di-tempat padang ternakan kepunyaan Macahan.

Josh Macahan dapat mengenali Grayson kerana orang yang bijak bermain senjata itu pernah di-sewa untuk menang-kap dan membunuh saudara lelaki-nya sendiri, Luke, tapi mendiamkan-nya sa-hingga dia mendapati sebab mengapa Grayson berada di-sana, Molly yang tidak mengetahui siapa

orang ini sa-benar-nya, meng-ajak-nya untuk makan malam yang sa-chara kebetulan meng-embirakan Laura yang terpijak kapada orang asing yang kachak ini.

Kesah ini di-paparkan dalam siri 'How The West Was Won' yang bertajuk "Gunfighter"

LAURA Macahan di-beri penghinaan dan di-tarek ka-bandar di-dalam lumpur dalam "Gunfighter" episod HOW THE WEST WAS WON minggu ini.



DALAM masa 21 tahun pengembaraan-nya di-siri2 talivishen, beberapa tempat telah memberikan perasaan yang mendalam kapada ALAN WHICKER di-Bandar Bombay yang penoh sesak dengan bangun-an2 penchakar-langit dan jembel yang membarahkan bandar2 yang mempunyai pondok2 kechil. Ia saperti membayangkan harapan dan putus-asa di-tanah besar yang mengandongi 625 juta orang. Dua ranchang-an2-nya yang penghabisan di-India kebanyakan-nya berkenaan dengan kehidup-an di-negeri ini dan akan di-tunjukkan pada hari2 Se-lasa 22hb dan 29hb Mei.

Bombay merupakan negeri penghujung untuk kebanyakan dari India; beratus2 orang datang sa-tiap hari dan berharap untuk memulakan hidup ba-ru... tapi mendapati lebih dari sa-juta yang mesti men-diami bandar2 yang berpon-dok kechil yang terdapat di-mana saja ada tempat2 kosong. Begitu-pun chara sosial yang ganjil di-Bombay ini ada-lah orang2 yang beruntung, sedang-kan berjuta2 yang lain hidup dan mati di-kaki lima.

"Di-India sentiasa ada orang2 yang burok, dan sentiasa juga ada orang yang lebih rendah dari-nya", kata Whicker, yang berchakap dari sa-buah bandar yang berpondok burok yang di-haramkan untuk orang2 luar. "Semua perangkaan India di-muatkan dengan anchaman dan kechelakaan yang memukul terus ka-otak dan hati sa-hing-ga awda berputus-asa. Dalam perengkat dunia, sa-orang dalam enam orang hidup di-sini — dan hampir sa-paroh dari penduduk-nya hidup di-bawah garisan kemiskinan."

Kehidupan harian India mempunyai lebih 35,000 mulut untuk di-beri makan. Tidak ada pegawai Keselamatan So-sial dan 20 juta orang tidak ada mempunyai pekerjaan — walaupun begitu mereka hidup dengan kurang dari enam pence sa-hari. Ketakutan yang

tersembunyi dalam tinjauan-nya yang jarang ini, Whicker menjelajahi Bandar Bombay yang berpondok kechil untuk menghabiskan kekotoran yang sa-chara rasmi tidak ujud, kerana penggambaran saperti ini di-haramkan oleh Kerajaan.

Pelawat dari Negeri Barat yang pertama kali datang ka-perengkat yang lebih ber-untung di-tempat kemiskinan ini: "Ia tidak dapat di-sem-bunyikan. Awda mengharap-kan-nya dan awda di-kehen-

daki untuk mengambil perhati-an — kulit awda bertambah tebal sa-tiap hari", menurut Whicker yang merasa ngeri tapi, bersikap terus-terang sa-perti selalu-nya. Dia me-nimbangkan keadaan ini dengan pelajaran di-India — Perindastrian, sa-orang Puteri, sa-orang Penulis dalam perchobaan untuk mengetahui bagaimana dia hidup dalam ketakutan di-pintu mereka dan membetulkan keadaan2 sosial mereka.

ANGAN2 ganjil dan kenyataan2 di-Bandar terbesar di-India, Bombay yang di-buktikan dalam gambar ini, di-mana penduduk kem sentiasa menggesekan bahu2 mereka dengan bangunan2 tinggi. Alan Whicker membawa siri-nya di-India ka-perengkat kemunchak dengan laporan tentang negeri Bombay yang besar dengan lapan juta penduduk-nya yang lebih suku dari mereka menetap di-bandar2 yang berpondok kechil atau dengan hanya tinggal di-jalan2 raya.



PENERBIT ranchangan sokan Radio Brunei Awang Mohd Noor Yassin (kiri) sedang mengadakan 'rehearsal' singkat kapada Juru2 Ulas Sokan RTB dan RTM sa-belum perlawanan antara Brunei dan sa-bermula. RTM Sarawak telah menyambong siaran Radio Brunei yang membuat laporan terus men-teri siri perlawanan Piala Malaysia yang berlangsung di-Bandar Seri Begawan pada 6hb Mei yang lalu.



Pertandingan Bintang Kecil perengkat Daerah Brunei-Muara

ENAM orang peserta telah di-pilih untuk mewakili Daerah Brunei-Muara ka-pertandingan perengkat negeri yang akan berlangsung di-Dewan Raya RTB di-ibu negeri pada 7hb Julai depan. Munchol sa-bagai Johan, ia-lah Da-yang Lailawati bte P.O.K.

Laila Wangsa Dato Paduka Salleh, naib-johan ia-lah Dayang Lim Kim Hong, dan tempat ketiga jatuh kepada Dk Norleha binte Pg Mahari.

Tiga orang pemenang yang lain ia-lah, Dk. Monira bte Pg Mohiddin, Dk Rafidah bte Pg Ibrahim dan Md Abu Sofian bin Md Ali Nordin. Mereka di-pilih dari dua puluh lima orang peserta.

Sementara itu pemilihan bagi perengkat Daerah Belait, telah di-adakan pada hari Sabtu, 12hb Mei bertempat di-Dewan Kemasharakatan Kuala Belait dan bagi Daerah Temburong pula akan di-adakan pada hari Sabtu, 19hb Mei 1979 bertempat di-Dewan Ria Pekan Bangar, Temburong juga bermula jam 7.30 malam.

Johan dan naib johan di-ke-dua2 daerah itu, akan mewakili daerah masing2 ka-pertandingan perengkat negeri.

Peraduan Bintang Kecil Radio, di-anjarkan oleh Bahagian Melayu Radio Talivishen Brunei.

STUDIO 'B' di-bangunan RTB telah di-banjiri kanak2 ketika berlangsung pertandingan akhir Bintang Kecil Daerah Brunei-Muara minggu lalu. Bintang Kecil di-siarkan pada tiap2 hari Ahad jam 9.30 pagi dalam ranchangan Taman Mekar.

RANCHANGAN TVP MINGGU INI

SIRI 'Mari Kita Berbahasa Inggeris' ranchangan kesembilan membawa murid2 ka-Perhentian Bas. Di-tempat ini murid2 akan mendengar perbualan Yusof, Mariam dan Bus Conductor mengenai dengan penggunaan perkataan2 'Behind' dan 'In front of'. Dalam ranchangan ini juga akan diisikan dengan dua teka teki. Chuba-lah murid2 beri jawapan-nya.

1. I have a face,
I have two hands,
One is short, one is long,
People always look at me.
What am I ?
2. I have wings,
I can fly,
I'm big and heavy,
I can carry you up in the sky.
What am I ?

Siri 'Sains Dan Hidupan Di-Brunei' ranchangan kesembilan bertajuk 'Waktu'. Ranchangan ini membawa murid2 meninjau bagaimana orang2 purba menchipta jam. Kebanyakan jam2 chiptaan mereka tidak tepat kechuali jam matahari saja yang agak tepat. Jam matahari ini juga mempunyai kelemahan2-nya. Untuk mengetahui lebih lanjut lagi akan kelemahan2 jam2 chiptaan mereka ikuti-lah ranchangan ini.

Kedua2 ranchangan ini akan dapat di-ikuti pada hari Isnin 21hb Mei, 1979. 'Let's Speak English' akan di-mulakan pada 8.50 pagi dan 'Sains dan Hidupan Di-Brunei' pada 9.20 pagi

Siaran ulangan kedua2 ranchangan ini akan dapat di-ikuti pada hari Selasa, Rabu dan Khamis bersamaan dengan 22hb., 23hb., dan 24hb Mei 1979, pada waktu yang sama.



"MAN UNDERCOVER" siri baru di-RTB

HARI Selasa ini jam 10.15 malam, RTB mempersembahkan satu siri baru — "Man Undercover", yang berlakun sa-bagai sa-orang pegawai polis muda yang mempunyai chara-hidup yang merbahaya.

Pulis muda ini, Dan Shay, di-mainkan peranan-nya oleh David Cassidy. (Penonton mungkin mengenali David Cassidy — yang juga mengambil peranan dalam siri popular "The Partridge Family".)

Dan Shay ada-lah ahli unit penyiasatan khas di-pejabat polis metropolitan yang besar di-mana wajah-nya yang muda itu membolehkan-nya untuk menembusi satu pertubohan penjenayah. Shay ada-lah pegawai yang dedikasi, dia juga ada-lah sa-orang yang bertimbang rasa kepada mangsa2 jenayah yang di-siasat-nya. Penglibatan-nya dalam kes2 ini dan baha-ya2 yang di-dedahkan-nya kepada kerja harian-nya menyebabkan ketegangan dalam kehidupan harian di-rumah-nya.

Dalam episod pertama, "Running The Hill", Dan Shay di-pilih oleh Lt. Mitchell, yang berpengalaman, Bahagian

Peniagaan yang kukuh itu untuk membantu menyelesaikan siri rompak2 di-sa-buah kedai di-mana banyak orang2 yang berada di-sana telah terbunuh. Shay mendapati yang kereta2 yang di-gunakan ketika jenayah itu berlaku ada-lah

kenderaan yang di-churi—yang khas di-ubah suai untuk perlumbaan mendaki bukit. Dia menyiasat kelab2 perlumbaan di-sana dan akhir-nya mendapati sa-buah kereta yang bersangkutan dengan penjenayah2 itu.



DAVID Cassidy memainkan peranan dalam siri drama yang baru, "Man Undercover" hari Selasa jam 10.15 malam.



"Hot Questions Cool Replies" goes to the Sixth Forms

THE Sixth Forms have extended further their contribution to RTB. While 'Sixth Form Calling' is still ringing in our ears, now 'Hot Questions Cool Replies' too have got their voices in.

Four lecturers from the Sixth Form Centre had spared their time to participate in this 15-minutes

weekly programme, by answering questions on Economic and Geography, put up by the Sixth Form Students.

Recordings of five programmes were made at one of the centre's lecture room, with RTB's (Radio) outside Broadcast unit.

Picture shows the programme producer, Nafisah

Haji Ali discussing the programme with Mr Ralph G. P. Clayden, a Geography lecturer and four student participants before recording. This programme can be heard on Sunday 20th May, 1979 at 12.45 p.m. and in case you miss the programme its repeat is on Wednesday, 23rd May at 8.00 pm.

Susunan ranchangan MINGGUAN RADIO

RABU

PAGI: Bacaan ayat2 suci Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 8.00 — Majallah sain dan perusahaan (SU); 8.30 — Chitra irama; 9.00 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Cherpen dan salokan-nya; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Hiboran selingan; 10.30 — Ruang muda mudi; 11.00 — Hiboran; 11.30 — Autograph pendengar. T/HARI: 12.00 — Ku sampai kan salam — Azan dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Tahu kah awda?; 1.30 — Sekitar masyarakat (SU). PETANG: 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.02 — Harian radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Irama di-senja; 6.00 — Tafsir Al-Koran (SU) — Azan fardhu magrib dan bacaan ayat2 suci Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. MALAM: 7.00 — Permintaan parajurit — Azan fardhu isha; 7.30 — Sekolah ka-sekolah (SU); 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 — Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Mengenang zaman silam; 9.00 — Terima-lah sampul surat/Dari bengkel penulis; 9.30 — Usaha jaya; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasakan Berita; 10.05 — Pimpinan illahi; 10.10 — Senandung malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

KHAMIS

PAGI: Bacaan ayat2 suci Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 8.15 — Rampaian London (SU); 8.30 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Varia Peristewa (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Hiboran selingan; 10.30 — Teman mekar (SU); 11.00 — Usaha Jaya (SU); 11.30 — Dari Kampung ka-kampung. T/HARI: 12.00 — Selingkar madah — Azan fardhu dzohor; 12.15 — Hiboran ramaian tengah hari; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Kisah dan tauladan; 1.30 — Tunas harapan. PETANG: 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.03 — Harian radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Siri muk-kadam; 6.00 — Mari berzikir — Azan fardhu magrib, di-ikuti dengan bacaan ayat2 suci Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. MALAM: 7.00 — Hidayat — Azan fardhu isha; 7.30 — Permainan gambus; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 — Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Mari berpantun (SU); 9.00 — Sandiwara radio; 9.30 — Tahukah awda? (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasakan Berita; 10.05 — Pimpinan illahi; 10.10 — Senandung malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

JUMAAT

PAGI: Bacaan ayat2 suci Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 7.45 — Siri muk-kadam (SU); 8.00 — Pertanian

APA PILEHAN AWDA



PESERTA yang di-undang untuk memilih lagu2 dalam ranchangan 'Apa Pilehan Awda' minggu ini ialah Dayang Mas binte Haji Matnoor, yang beralamat No. 30, Kampung Sungai Kebun, Bandar Seri Begawan (gambar atas).

Dalam ranchangan yang akan di-siarkan melalui Radio Brunei pada hari Jumaat 18hb Mei itu, Dayang Mas akan memilih tujuh buah lagu untuk hiburan peminat2 ranchangan ini.

dan periklanan; 8.30 — Pelajaran dewasa di-udara; 9.00 — Apa pilihan awda; 9.30 — Tafsir Al-Koran; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.10 — Apa pendapat awda; 10.30 — Kursus Al-Koran; 11.00 — Peristewa Dalam Sa-minggu; 11.30 — Tunas Pendidek. T/HARI: 12.00 — Permainan gambus; 12.30 — Menunaikan sembahyang fardhu Jumaat siaran langsung dari Masjid Omar Ali Saifuddin; 1.15 — Irama padang pasir; 1.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.45 — Selingan irama. PETANG: 2.00 — Untuk Belia; 2.30 — Suara dari bintang2; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.10 — Soalan di-udara; 3.30 — Mutika 79 — Azan untuk fardhu asar; 4.00 — Suara dari pusat tingkatan enam; 4.30 — Di-bumi bertuah; 5.00 — Harian radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Suntingan Khutbah Jumaat; 6.00 — Irama lagu asli — Azan untuk fardhu magrib, di-ikuti dengan bacaan ayat2 suci Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. MALAM: 7.00 — Cherpen dan Salokan-nya — Azan fardhu isha; 7.30 — Brunei Graduates; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 — Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Kisah dan tauladan (SU); 9.00 — Autograph pendengar; 9.30 — Chitrawara; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasakan Berita; 10.05 — Pimpinan illahi; 10.10 — Senandung malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

SABTU

PAGI: Bacaan ayat2 suci Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 8.00 — Apa pendapat awda (SU); 8.15 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Chitrawara (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.10 — Selingan irama; 10.30 — Panorama radio (SU); 11.00 — Majallah shell (SU); 11.30 — Suara dari bintang2 (SU). T/HARI: 12.00 — Ku sampaikan salam — Azan fardhu dzohor; 12.30 — Hiboran ramaian tengah hari; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Brunei Graduates (SU); 1.30 — Ruang Bertuturan. PETANG: 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.03 — Harian radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Buloh perindu — Azan magrib, di-ikuti dengan bacaan ayat2 suci Al-Koran;

6.50 — Bingkisan hari ini. MALAM: 7.00 — Chitra irama (SU) — Azan isha; 7.30 — Tunas harapan (SU); 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 — Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Selingkar madah (SU); 9.00 — Bertuturan; 9.30 — Suara pusat tingkatan enam (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasakan Berita; 10.05 — Pimpinan illahi; 10.10 — Senandung malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

AHAD

PAGI: Bacaan ayat2 suci Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 8.00 — Mastika radio; 8.30 — Dunia wanita; 9.00 — Keluarga si-awang; 9.30 — Taman mekar; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Surat dari London; 10.30 — Hello Siapa di-sana; 11.00 — Bengkel penulis/Terima sampul surat; 11.30 — Sekolah ka-sekolah. T/HARI: 12.00 — Sandiwara radio; 12.15 — Azan fardhu dzohor; 12.30 — Rampaian tengah hari; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Pesta ria/Persembahan pancharagam; 1.45 — Ruang ketani. PETANG: 2.15 — Suara Pulis Diraja; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.10 — Mari Berpantun — Azan asar; 3.46 — Mengenang Zaman Silam; 4.00 — Arena Sokan; 4.30 — Majallah shell; 5.00 — Harian radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Komintang radio; 6.00 — Buloh perindu (SU) — Azan magrib; di-ikuti dengan bacaan ayat2 suci Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. MALAM: 7.00 — Suara parajurit — Azan isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 — Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Sekitar masyarakat; 9.00 — Keluarga jaya; 9.30 — Mari berzikir (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05 — Pimpinan illahi 10.10 — Senandung malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

ISNIN

PAGI: Bacaan ayat2 suci Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 8.00 — Peristewa dunia minggu ini; 8.30 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Sain dan perusa-

haan; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Berdendang dengan ku; 10.30 — Suara parajurit (SU); 11.30 — Dari petempatan tetangga. T/HARI: 12.00 — Komintang radio (SU) — Azan dzohor; 12.30 — Hiboran ramaian; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Keluarga jaya (SU); 1.30 — Dendang asli. PETANG: 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.03 — Harian radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Irama di-senja — Azan magrib, di-ikuti dengan bacaan ayat2 suci Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. MALAM: 7.00 — Arena sokan (SU) — Azan isha; 7.30 — Keluarga si-awang (SU); 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 — Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Tamu minggu ini; 9.00 — Peristewa dan periklanan (SU); 9.30 — Seminggu dalam kenangan; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasakan Berita; 10.05 — Pimpinan illahi; 10.10 — Senandung malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

SELASA

PAGI: Bacaan ayat2 suci Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 8.00 — Dunia wanita (SU); 8.30 — Varia peristewa; 8.45 — Dendang antarabangsa; 9.45 — Rampaian London; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05 — Senandung malam; 10.30 — Sa-minggu dalam kenangan (SU); 11.00 — Mastika radio (SU); 11.30 — Pop Science music. T/HARI: 12.00 — Ku sampaikan salam — Azan fardhu dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Tamu minggu ini; 1.30 — Pelajaran dewasa di-udara (SU). PETANG: 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.02 — Harian radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Persembahan anika instrumental — Azan fardhu magrib, di-ikuti dengan bacaan ayat2 suci Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. MALAM: 7.00 — Ruang ketani (SU) — Azan untuk fardhu isha; 7.30 — Sain dari ku; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 — Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Lambaran Dalam Sa-minggu; 9.00 — Chator (SU); 9.15 — Di-bumi bertuah (SU); 9.45 — Senandung Asli; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasakan Berita; 10.05 — Pimpinan illahi; 10.10 — Senandung malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

RANCHANGAN RADIO BAHAGIAN INGGERIS

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Lunch Music. NOON: 12.00 — Melody Time. PM: 12.30 — News; 12.45 — International Money Programme; 1.00 — Ready to Roll introduced by Sheikh Abbas; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Hot Questions — Cool Replies (repeat); 8.15 — Midweek Greetings by Jaafar Yaakob; 8.45 — Dateline; 9.15 — News; 9.30 — Ticker, Tape and Telephone; 10.00 — Close Down.

THURSDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Thursday's Bandwagon... we invite you to hop abroad our non-stop musical express; 11.45 — World of Education; NOON: 12.00 — My Music. PM: 12.30 — News; 12.45 — Brunei Graduate produced by Viviyanti Ali; 1.15 — Science Journal; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — The Young Sound with Tajul Ahmad; 8.30 — Radioscope (repeat); 9.00 — What's Wrong with Me Doctor by Shirley Don; 9.15 — News; 9.30 — Before we say goodnight by Ak. Hishamuddin Pg Yaakob; 10.00 — Close Down.

FRIDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Rock Line; 11.15 — From

School to Schools; 11.45 — Light Music From Netherland. NOON: 12.00 — Radioscope produced by Viviyanti Ali. PM: 12.30 — News; 12.45 — The New Seekers; 1.00 — Free Time by Jaafar Yaakob; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — From School to Schools (repeat); 8.30 — Sheikh Abbas calling on you; 9.15 — News; 9.30 — Behind the News (repeat); 10.00 — Close Down.

SATURDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Just A Minute; 11.30 — International Call. NOON: 12.00 — Band Call. PM: 12.30 — News; 12.45 — BBC World Report; 1.00 — Just for Variety produced by Sheikh Abbas; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Saturday Mail Bag presented by Charan Chand; 9.00 — A Quiet Life episode 7; 9.15 — News; 9.30 — Top of the Pops; 10.00 — Close Down.

SUNDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Children's Half-Hour produced by Veronica Shim; 11.30 — Women's World produced by Charan Chand. NOON: 12.00 — Forum — by Viviyanti Ali. PM: 12.30 — News; 12.45 — Hot Questions — Cool Replies produced by Nafisah Haji Ali; 1.00 — The Musical Diary compiled and produced by Nafisah Haji Ali; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Brunei Graduate (repeat); 8.30 — What's Wrong With Me,

Doctor? with Bob Kay; 9.00 — Your World; 9.15 — News; 9.30 — Sunday Night Special with Jaafar Yaakob; 10.00 — Close Down.

MONDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Music-Go-Round — an interrupted programme of music and songs for your listening pleasure; 11.45 — Perspective. NOON: 12.00 — Dad's Army. PM: 12.30 — News; 12.45 — Science Pop produced by Shirley Don; 1.15 — Open Window — know your neighbour; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Background to History — "Life in Elizabethan Mansions"; 8.15 — Monday's Night Mail presented by Veronica Shim; 9.15 — News; 9.30 — Thirty-Minute Theatre. "A Small Monet" by Eric Saward; 10.00 — Close Down.

TUESDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Housewives' Special; 11.45 — BBC Sports Magazine. NOON: 12.00 — "A-Pickin and A-Grinnin'" — The History of Country Music. PM: 12.30 — News; 12.45 — What's Wrong with Me Doctor by Shirley Don (repeat); 1.00 — Hello Tomorrow; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Stereo Pop Special featuring "The Tom Robinson Band" Side 1; 8.30 — It's All Yours by Veronica Shim; 9.00 — Agriculture — Key to Living; 9.15 — News; 9.30 — Ready To Roll; 10.00 — Close Down.

PENUNJOK PETAK LEMAH

OLEH:
STEWART
WAVELL

Siri ke-26

WILHELM Steinitz, seorang Yahudi dari Vienna, ada-lah juara chator dunia yang pertama. Dari tahun 1866 apabila ia mula-mula menyanggah gelaran itu sehingga-lah tahun 1894 apabila gelaran itu terlepas daripada Steinitz, Steinitz tidak pernah kalah satu permainan pun — satu ruang waktu hampir-hampir tiga puluh tahun! Dia sering kali di-sebut sa-bagai "bapa chator moden" tetapi, seperti yang sudah awda diketahui, banyak daripada ideanya itu telah terlebih dahulu di-huraikan oleh Howard Staunton. Tidak semua ideanya itu baik. Mithal-nya, keazaman-nya untuk memajukan Raja dalam pembukaan merupakan satu keanehan yang memeranjatkan lawan-nya dan kadang-kadang memperoleh hasil, tetapi sekarang tidak sa-orang pun yang mahu melakukannya. Berikut ada-lah satu chontoh (Steinitz bermain Putih).

1. B-e4 B-e5
 2. K-c3 K-c6
 3. B-f4 Bxb
 4. B-d4 M-h4 asah
 5. R-e2!
- Itu dia! Walau pun begitu, ia berwaspada dengan menyusun lebeh banyak buah-chator yang kurang penting daripada yang di-lakukan oleh Hitam, jadi bahaya kapada Raja-nya ada-lah kurang.
5. ... B-d6
 - 6 K-f3 G-g4



- 7 Gxb GxK asah
 8. RxG K-c7
 9. G-e2 0-0-0
 10. G-c3 M-f6 asah
 11. R-g3 B-d5
 12. G-g4 asah R-b8
 13. B-e5 M-c6
 14. M-f2 B-h5
 15. G-h3 B-f6
 16. Bxb Mxb (f6) asah
 17. M-f3 MxM asah
 18. Bxb B-g6
 19. K-e2 K-f5
 20. GxK!
- Mengasingkan dua Bidak Hitam yang akan sukar untok di-kawal pada permainan hujung.
20. ... BxG
 21. B-c3 G-d6
 22. G-f4 R-c8
- Hitam sekarang memusatkan Raja untok membawa-nya kabahagian tengah demi memperoleh pengaruh yang lebeh besar di-permainan hujung.
23. T(h1)-g1 R-d7
 24. T-g7 asah K-c7
 25. T(a1)-g1 R-e6
 26. GxG TxG
 27. K-f4 asah R-f3
 28. K-d3 T-b6
 29. B-b3 T-h6
 30. K-e5 T-b5
 31. B-a4 T-a5
 32. B-b4 T-a6
 33. K-d7 asah R-c6
 34. K-c5 asah! Menyerah kalah

Ada-lah menjadi satu ke-laziman di-kalangan beberapa pemain Brunei untok bermain bermati-matian sa-hingga ka-akhir permainan. Sa-orang lawan selalu-nya akan melakukan kesilapan, terutama-nya jika ia dalam kedudukan untok menang! Walau pun begitu, dalam permainan grandmaster seperti chontoh di-atas, ke-lebehan pada Steinitz ada-lah terlalu besar — dua Tahir melawan satu Tahir dan satu Kuda, di-tambah dengan Bidak2 yang saling bantu-membantu melawan Bidak2 Hitam yang terasing — yang dalam kedudukan seperti itu tidak ada lawan mempunyai harapan untok selamat.

Sumbangan besar Steinitz

MAIN CHATOR — PERMAINAN DIRAJA

ia menaruh dendam terhadap dunia, dan dunia membalekan dendam itu kepada-nya. Dia pendek, kira-kira lima kaki tinggi, tidak pandai mengambil hati, timpang, lumpoh bahagian bawah badan, bergantung kapada tongkat dan tongkat ketiak, buta ayam, berpenyakit sengal, hidung mimek, bengkek, degil, gila yang tertumpu kapada satu benda, dan lidah-nya telah di-katakan ada-lah yang paling lancang di-Eropah. Dia bertengkar dengan semua orang.

Apabila Steinitz mengalahkan Andersen dalam tahun 1866 dengan hitungan 8 lawan 6, ia memberigakan kemenangan-nya itu di-mana2, dan menghebahkan yang dia-lah juara dunia. Tidak sa-orang pun yang menyangkal-nya. Sa-lepas Andersen, saingan-nya yang hebat ada-lah sa-orang yang menarek ia-itu Johannes Zukertort. Zukertort faseh dalam sa-belas bahasa, sa-orang doktor dari Universiti Breslau, pemain pedang, penembak yang mahir, pemain piano yang hebat, pelopor sains kemasharakatan, penyunting artikel2 politik, pengkeritik muzik, dan yang memulakan penerbitan majalah 'Chess Monthly'. Steinitz mempunyai satu ruangan dalam majalah 'The Field'. Dalam tulisan2 mereka, kedua2-nya saling serang-menyerang dengan hebat-nya, tetapi walau pun Zukertort sa-orang yang pintar dan bergeliga, ia tidak dapat menchapai ketajaman pemikiran serta kesempurnaan kedudukan seperti Steinitz. Mereka bertemu dalam satu perlawanan di-London pada tahun 1872 dimana Steinitz menang tujuh manakala Zukertort hanya satu. Satu tampan hebat kapada Zukertort!

Steinitz kemudian-nya berhijrah ka-Amerika Sharikat. Sa-kali lagi ia di-chabar oleh Zukertort untok bermain di-bandaraya New York, St Louis, dan New Orleans. Zukertort memulakan per-

mainan itu dengan baik ia-itu ia menang di-New York dengan 4 berbalas 1. Di-St Louis, Steinitz menyamakan kedudukan, dan di-New Orleans Steinitz mendapat kemenangan besar yang menjadikan jumlah kemenangan-nya 10 berbalas 5. Kemudian apabila melawan Tchigorin, Steinitz mendapat kemenangan yang tipis ia-itu 12½ berbalas 10½.


